

**Bil. 1**

**Isnin  
20 Disember 1999**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEPULUH  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## KANDUNGAN

<b>PROKLAMASI OLEH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG MEMANGGIL PARLIMEN UNTUK BERMESYUARAT</b>	(Ruangan 1)
<b>USUL-USUL:</b>	
Perlantikan Yang di-Pertua Dewan Rakyat	(Ruangan 3)
Upacara Mengangkat Sumpah Ahli-ahli Dewan Rakyat	(Ruangan 14)
Usul di Bawah Perkara 62(1) Perlembagaan Persekutuan	(Ruangan 20)
Perlantikan Timbalan Yang di-Pertua	(Ruangan 24)
Jalan-jalan Masuk ke Parlimen	(Ruangan 24)
Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sementara	(Ruangan 26)
<b>PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA Perlantikan Ketua Pembangkang</b>	(Ruangan 25)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Ruangan 25)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 1999	(Ruangan 26)
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2)1999	(Ruangan 32)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato' Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Dato' Abd. Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Rais bin Yatim (Jelevu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Mohd. Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.D.K., P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.D.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ir. Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Datuk Seri Mohd. Shariff bin Omar (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Haji Zainal bin Dahalan (Sabak Bernam)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin (Bagan Serai)

- " Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar (Jerantut)
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman @ Haniff Amman (Beaufort)
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Haji Isnin (Jasin)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Kamsiyah binti Yeop (Gerik)
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., J.P., A.S.A., P.J.K. (Tanjong Karang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. Anpalagan a/l Sami Reddy (Telok Kemang)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan P. Veerasingam a/l Suppiah (Taph)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman @ Sumen bin Abdullah (Tenom)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato Dr. Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)

- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Harun (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh (Kangar)
- “ Datuk Abdul Kadir bin Annuar (Pulai)
- “ Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Dr. Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Ambak (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Tuan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Datuk Fadzil bin Md. Noor (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Tuan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Datuk Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Ali (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)

Yang Berhormat Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas)

- “ Dato’Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato’ Haji Kamaruddin bin Jaffar (Tumpat)
- “ Tan Sri Karnail Singh Nijhar a/l Amar Singh (Subang)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Puan Komala Devi a/p M. Perumal (Kapar)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Ir. Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai (Bentong)
- “ Dato’Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Madius bin Tangau (Tuaran)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Mahfuz bin Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading)

Yang Berhormat Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)

- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Datuk Mohd. Ali bin Hassan (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff @ Yusof bin Mohd. Nor (Machang)
- “ Datuk Mohd. Zain bin Omar (Balik Pulau)
- “ Tuan Mohd. Zin bin Mohamed (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin (Kinabatangan)
- “ Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Muhyidin bin Haji Abdul Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang (Penampang)
- “ Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Raja Datuk Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Prof. Dato' Haji Shahnun bin Ahmad (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau)
- “ Tuan Siam bin Kasrin (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)



Yang Berhormat Datuk Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan)

- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azzamudden bin Md. Taib (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Datuk Tiong King Sing (Bintulu)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff (Bachok)
- “ Dato'Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Prof. Madya Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato' Zulhasnan bin Rafique (Wangsa Maju)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat****Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan****Ketua Penolong Setiausaha****Zamani bin Haji Sulaiman****Haji Mustakin bin Salamat****Shahrom bin Haji Hasan****Penolong Setiausaha****Haji Mustafa bin Abdul Rahman****Ruhana binti Abdullah****Riduan bin Rahmat****BENTARA MESYUARAT****Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali****Mejar (B) Zakaria bin Salleh****Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah****PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI****Azhari bin Hamzah****Monarita binti Mohd. Hassan****Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop****Mohd Saleh bin Mohd. Yusop****Mohamed bin Osman****Hajah Norishah binti Mohd. Thani****Shamsina binti Janor****Ramlah binti Mohd. Yusuff****Jamilah Intan binti Haji Bohari****Khairul Azila binti Haji Khairuddin****Nurziana binti Ismail****Noor Effarizan binti Mat Satib****Taharah binti Mohamed****Nik Elyana binti Ahyat****Kasih binti Sulaiman (Tribunal Perkhidmatan Awam)****Mashitah binti Kamaruddin (Tribunal Perkhidmatan Awam)****Abu Bakar bin Hasan****Alias bin Md. Nor****PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK****Kamal bin Oyub****Haji Latif bin Ismail****Kamaroddin bin Mohd. Yusof**

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Isnin, 20 Disember 1999

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

## DOA

---

**PROKLAMASI OLEH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN  
AGONG MEMANGGIL PARLIMEN UNTUK BERMESYUARAT**

**Setiausaha [Datuk Mohd Salleh bin Haji Hassan]:** Proklamasi oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong....

**Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor:** Setiausaha, saya mohon izin.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Setiausaha:** Proklamasi oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan kurnia Allah bagi negeri-negeri dan wilayah-wilayah Malaysia, Ketua Utama Negara:

*t.t**(Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah)*

*"Bahawasanya Parlimen telah dibubarkan pada 11 November 1999:*

*Dan bahawasanya adalah diperuntukkan oleh Fasal (4) Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan bahawa Parlimen hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada 120 hari dari tarikh pembubaran itu:*

*Maka oleh yang demikian, Beta, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, dengan kurnia Allah, Yang di-Pertuan Agong bagi negeri-negeri dan wilayah-wilayah Malaysia, pada menjalankan kuasa yang diberi kepada Beta di bawah Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan, dengan ini memanggil Parlimen untuk bermesyuarat dan menetapkan 20 Disember 1999, pada pukul 10.00 pagi, sebagai tarikh dan waktu bagi Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Malaysia yang Kesepuluh, yang akan diadakan di Bangunan Parlimen di ibu kota Persekutuan Kuala Lumpur.*

*Diperbuat di Istana Negara Beta di Ibu Kota Persekutuan di Kuala Lumpur pada 9 Disember 1999.*

*Dengan Titah Perintah Baginda,*

*t.t.**(Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad)"*

**Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor:** Yang Berbahagia Setiausaha, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya mohon untuk beri pandangan sebagai seorang Ahli Parlimen dan sebagai Ketua Pembangkang.

**Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Di atas persoalan apa itu, Standing Order berapa itu?

**Seorang Ahli:** Peraturan nombor berapa?

**Dato' Haji Fadzil bin Mohd. Noor:** Di bawah peruntukan Perlembagaan 40 "Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat."

Sebagaimana yang kita maklum, notis panggilan mesyuarat dikeluarkan pada 13 Disember 1999 dan pembentukan Jemaah Menteri dibuat pada 14 Disember 1999. Mesyuarat pertama Jemaah Menteri diadakan pada 15 Disember 1999. Mengikut Fasal 40 Perlembagaan Persekutuan Malaysia (40)(1) menyatakan "*Pada menjalankan tugas-tugasnya di bawah Perlembagaan ini, maka di bawah undang-undang Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong hendaklah bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri atau nasihat seorang menteri yang bertindak di bawah kuasa am Jemaah Menteri boleh sebagaimana diperuntukkan selainnya oleh Perlembagaan, Yang di-Pertuan Agong adalah berhak atas permintaannya mendapat apa-apa maklumat mengenai pemerintahan Persekutuan yang boleh dapati oleh Jemaah Menteri.*"

Pada hemat saya berdasarkan peruntukan ini Jemaah Menteri hanya baru bersidang 15 Disember sedangkan notis pemberitahuan tentang persidangan ini dibuat pada 13 Disember. Persoalannya siapakah yang memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong di dalam menitahkan supaya Parlimen bersidang pada pagi ini. Oleh kerana ianya melibatkan soal peruntukan Perlembagaan, pada hemat saya adalah merupakan satu perkara yang serius dan apabila persidangan Parlimen diadakan pada hari ini, mengikut peruntukan 40 persidangan ini boleh dianggap sebagai tidak sah. Oleh yang demikian, saya ingin menasihatkan supaya persidangan pada pagi ini ditangguhkan sehingga notis kepada Ahli-ahli Parlimen dibuat mengikut seperti mana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan ini. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Setiausaha:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut kelaziman ahli-ahli hanya boleh mengambil bahagian dalam perbahasan selepas semua ahli mengangkat sumpah jawatannya. *[Tepuk]*

**Seorang Ahli:** Setiausaha tidak ajar sampai habiskah?

**Setiausaha:** Saya ingin meneruskan Aturan Urusan Mesyuarat pada pagi ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Beberapa Ahli:** Duduklah!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mengikut proklamasi tadi 9 Disember dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Duduklah!

*[Pembesar suara tidak berfungsi]*

**Seorang Ahli:** Pembesar suara!

**Dr. Tan Seng Giaw:** ....Mengikut Perkara 40 Perlembagaan Malaysia yang diperlukan satu nasihat, kerana....

*[Pembesar suara tidak berfungsi]*

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Duduklah!

**Dr. Tan Seng Giaw:** ....kita mesti tahu setelah mengkaji Perlembagaan dan juga Peraturan Mesyuarat kita dapati...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tan Sri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh:** Setiausaha Parlimen, tidak ada *locus standi* untuk bercakap pada pagi ini, hanya Tuan Setiausaha. *[Tepuk]*

**Seorang Ahli:** Sama-sama tidak ada *locus standi*.

**Tan Sri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh:....**dan Tuan Setiausaha Bagi Parlimen yang mewakili Yang di-Pertuan Agong...

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Perdana Menteri:** Sebenarnya negara kita ini tidak pernah tidak mempunyai kerajaan. Apabila Parlimen dibubar maka sebuah *caretaker* kerajaan menjalankan urusan kerajaan. [Tepuk] Sebagai Perdana Menteri dalam *caretaker* kerajaan itu saya berhak memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong. [Tepuk] Kita tidak perlu tunggu sehingga kerajaan baru ditubuh kerana kita mempunyai urusan yang penting supaya negara kita ini ditadbir dengan tertib mengikut Perlembagaan. Yang memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong ialah Perdana Menteri yang berhak sebagai Perdana Menteri dalam *caretaker government*. [Tepuk]

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mengikut Perlembagaan *caretaker government* berhak juga memberi nasihat untuk ....

**Setiausaha:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara ini telah dimaklumkan kepada saya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setelah berunding dengan Peguam Negara. Jadi, saya rasa perkara yang kita bentangkan pada pagi ini adalah tidak berkaitan. Seperti mana saya katakan tadi Ahli-ahli hanya boleh mengambil bahagian selepas mengangkat sumpah. Jadi, saya ingin meneruskan acara pada pagi ini tanpa membuang masa. [Tepuk]

**Seorang Ahli:** Hoi, belum angkat sumpah duduklah!

**Setiausaha:** Acara seterusnya ialah memilih Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Setiausaha:** Kalau mengikut Perlembagaan Perkara 59, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat rujuk, "Tiap-tiap ahli mana-mana Majlis Parlimen hendaklah sebelum mengambil tempatnya mengangkat dan menandatangani di hadapan orang yang mengetuai Majlis Parlimen itu suatu sumpah mengikut bentuk yang dinyatakan dalam Jadual Keenam, tetapi seorang ahli boleh sebelum mengangkat sumpah itu mengambil bahagian... [Disampuk oleh beberapa orang Ahli]

Seperti saya nyatakan tadi....

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Parlimen merupakan forum yang tertinggi dalam negara. Sekiranya Parlimen tidak mengikut Perlembagaan. [Disampuk]

**Setiausaha:** Sabar. Beri peluang saya bercakap dahulu. Majlis ini adalah di bawah kuasa saya. [Dewan riuh] Tadi telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa *caretaker government* berhak untuk menasihatkan kerajaan. Jadi, saya rasa....[Disampuk] saya tidak perlu berpanjang lebar di sini untuk meneruskan acara.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk] [Dewan riuh]

**Perdana Menteri:** Kalau ada perang semasa kita ada *caretaker government* apakah saya tidak ada hak untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong? [Disampuk] [Dewan riuh].

**Setiausaha:** Sila duduk! Sila duduk untuk membolehkan saya meneruskan acara pada pagi ini...[Disampuk]

**Seorang Ahli:** Teruskan Datuk!

#### USUL-USUL

#### **PERLANTIKAN YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT**

**Setiausaha:** Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Perkara 57 Perlembagaan Persekutuan dan mengikut aturan yang dinyatakan dalam Peraturan Mesyuarat 1,

Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat akan menjalankan urusan memilih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah menerima satu cadangan nama orang yang hendak dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua. Cadangan itu datang dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri .... *[Disampuk]* ....dalam suratnya bertarikh 3 Disember 1999 memberitahu bahawa beliau berhasrat mengemukakan satu usul di mesyuarat hari ini bagi maksud memilih seorang Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Sekarang dengan segala hormatnya saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi mengemukakan cadangan memilih Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Perdana Menteri:** Tuan Setiausaha, saya mencadangkan bahawa Yang Berhormat Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail dipilih menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan mengikut Peraturan Mesyuarat 4(1) saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ini adalah kesalahan mengguna...*[Disampuk]*

**Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini. *[Tepuk]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]* *[Dewan riuh]*

**Setiausaha:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana seorang sahaja yang dicadangkan dan disokong menjadi Tuan Yang di-Pertua, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 4(3) saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. *[Tepuk]*

**Beberapa Ahli:** Tidak sah! *[Menyampuk]* *[Tepuk]* *[Menyampuk]*

*[Tuan Yang di-Pertua dipakaikan jubah dan mengambil tempat Kerusi]*

*[Dewan riuh]*

**Setiausaha:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sila bangun.

**Beberapa Ahli:** Baliklah! keluar! *[Disampuk]* *[Dewan riuh]*

**Setiausaha:** Tuan Yang di-Pertua mengangkat sumpah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bismillahi Rahmannir Rahim, Saya Mohamed Zahir bin Haji Ismail setelah dipilih memegang jawatan Yang di-Pertua Dewan Rakyat adalah dengan ini berikrar dengan sesungguhnya bahawa saya akan menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan jujur dan dengan segala daya upaya saya bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia dan akan memelihara dan melindungi serta mempertahankan Perlembagaan.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat kata, kita harus membentangkan notis .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** ..... sedangkan dalam Peraturan Mesyuarat 4(1), mesti 14 hari selepas notis. Macam mana boleh .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkara itu ialah berkenaan dengan Timbalan Yang di-Pertua.....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tidak, speaker disebut di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Timbalan Yang di-Pertua, .....

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Timbalan akan ikut Speaker. Disebut dengan jelas, 14 hari di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berkenaan dengan Speaker 14 hari, berkenaan dengan Timbalan Speaker dua hari.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, tiga hari lepas, diumumkan dalam akhbar, Tuan Yang di-Pertua, belum dapat notis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum dapat notis berkenaan dengan Timbalan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Speaker? Oh, speaker dapat notis bila? [Disampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, 3 Disember.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Nantilah kita kawan lama. [Ketawa] [Disampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, beri saya menerangkan perkara ini berkenaan dengan notis untuk melantik speaker. Diterima oleh Setiausaha, kemudian dihantar kepada saya [Disampuk] ya, pada 3 Disember.

Jadi, makna kata lebih daripada 14 hari. Berkenaan dengan Timbalan-timbalan Yang di-Pertua, saya tengok pada 15 Disember. Jadi, lebih daripada dua hari. Itu dikehendaki oleh Perlembagaan dan juga dalam Peraturan Mesyuarat kita. Telah sahlah mengikut Peraturan Mesyuarat. Ya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi. Bolehkah sebelum Kabinet dibentuk, dapat notis itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti, saya boleh beri keputusannya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Ya, sebelum Kabinet dibentuk, sebuah notis. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dilantik oleh *interim, Government*. Jadi, bolehkah Tuan Yang di-Pertua, memberi penjelasan lagi tentang perkara ini. [Disampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh saya boleh beri.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kami juga mungkin ada kemukakan nama Tuan Yang di-Pertua, yang lain misalnya – sebab tidak dapat notis apa-apa. [Ketawa] [Disampuk]

**Puan Chong Eng:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi, nanti sekejap. Yang Berhormat nanti saya jawab dia dululah. Bolehkah saya jawab dia dulu ya?

**Puan Chong Eng:** Hendak minta jalan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ialah kita menjalankan mesyuarat kita [Disampuk] dengan tertib. Kalau sekiranya begini permulaannya kita mulakan mesyuarat, saya ingat tidaklah baik pada masa-masa yang akan datang.

Jadi, biarlah kita menyelesaikan dengan cara baik, cara bermusyawarah, mencari jalan yang sebenar, ya. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah tadi iaitu berkenaan dengan apa Yang Berhormat?

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah dahulu. [Disampuk]

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya sebutkan di sini iaitu notis untuk memberitahu kepada bakal Tuan Yang di-Pertua, 14 hari.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Kalau 14 hari, sebelum Kabinet dibentuk. Ertinya *interim Government* yang memberi notis itu. Adakah sah dalam Perlembagaan, sebab ia mesti diberi oleh Kabinet yang baru, yang dibentuk pada 14 hari bulan dan mesyuarat pertama pada 15 haribulan. Ini yang kita hendak penjelasan itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ialah, apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu adalah benar. Iaitu kita mengikut Perlembagaan kita iaitu Perkara 43, Perlembagaan kita. Parlimen yang telah dibubarkan dahulu akan menjadi *caretaker government*. Ya, beri saya baca perenggan ini. "*Apabila Parlimen dibubarkan, Jemaah Menteri yang wujud sebelum pembubaran itu terus memegang jawatan sehinggalah Jemaah Menteri yang baru dilantik*". Ini adalah mengikut Perkara 43 Perlembagaan. Jemaah Menteri dipanggil dengan nama *caretaker government*.

Di United Kingdom ini adalah sudah menjadi satu *convention*, begitu juga di negara-negara lain yang mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen. Oleh yang demikian, Jemaah Menteri itu ataupun seseorang menteri yang bertindak atas kuasa am Jemaah Menteri itu mempunyai kuasa untuk menasihati Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tentang tarikh memanggil Parlimen. [Tepuk] Dengan ini pada fikiran saya, permesyuaran pemanggilan Parlimen yang dibuat oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu di atas nasihat sedemikian, adalah sah dari segi undang-undang. [Tepuk]

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ahli Yang Berhormat bagi Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Begini, Yang Berhormat, bolehkah kita mengikut Peraturan Mesyuarat. Saya mintalah kita menjalankan mengikut Peraturan Mesyuarat. Ahli-ahli Yang Berhormat belum lagi boleh berucap [Disampuk] [Tepuk] sebelum daripada mengangkat sumpah. Selepas daripada mengangkat sumpah, Ahli-ahli Yang Berhormat hendak memberikan apa-apa perkara, silakanlah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, tetapi ini mengenai pengisytiharan proklamasi dan bagi pihak kami bahawa *caretaker government* tidak boleh beri nasihat yang sedemikian, kecuali ada perang atau apa sahaja, kerana kita tidak ada perang-langsung di dalam negara ini. [Disampuk] Itu pandangan sayalah, saya baca juga Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya dapati nasihat sedemikian adalah tidak wajar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, wajar atau tidak itu bergantung atas sah atau tidak. Pada fikiran saya, sah, bahkan jikalau sekiranya *caretaker government* itu boleh mengisytiharkan perang sebagaimana yang terjadi di India. Selepas daripada Parlimen mereka itu dibubarkan, maka tercetuslah pergaduhan di Kashmir, maka *caretaker government* itu telah menghantarkan peperangan, membuat peperangan, sah dari segi undang-undang Perlembagaan. Ini kalau sekiranya dibandingkan, memasyhurkan peperangan, dengan hanya hendak menasihatkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, hendak mengadakan mesyuarat. Tentulah lebih kurang ringannya berkenaan dengan perkara memanggil mesyuarat itu.

Selain daripada itu hendaklah kita tengok di bawah Perkara 55(3), yang menyatakan bahawa Parlimen hendaklah diadakan dalam masa 120 hari selepas daripada diadakan pilihanraya. Yang demikian, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong jikalau sekiranya dengan tidak ada nasihatpun, baginda kena mengikut Perlembagaan memanggil mesyuarat itu. [Tepuk] Oleh yang demikian, janganlah kita memanjang-manjangkan perkara ini lagi. Haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bertenang dan selepas ini, sekiranya kita buat macam ini, apa hendak jadi pada



Parlimen kita? Ya, Yang Berhormat- nanti kalau sekiranya saya minta Yang Berhormat .....

**Puan Chong Eng:** Peraturan (4).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nanti, nanti Yang Berhormat [Disampuk] .....

**Seorang Ahli:** Bercakap hanya yang tahu bercakap, bercakap.

**Puan Chong Eng:** [Pembesar suara rosak] .....seperti yang tersebut di bawah ini, yang pertama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Puan Chong Eng:** ....*"Tiap-tiap ahli yang hendak mencadangkan nama seorang ahli Dewan itu atau seorang yang layak dipilih menjadi ahli Dewan itu yang hendak dipilih jadi Tuan Yang di-Pertua, hendaklah memastikan terlebih dahulu iaitu ahli itu suka berkhidmat jika dipilih, dan juga hendaklah memberitahu [Disampuk] kepada Setiausaha dengan bersurat sekurang-kurangnya empatbelas hari sebelum mesyuarat". [Disampuk]* Saya ingin tunjukkan di sini bahawa pihak pembangkang ataupun semua Ahli Parlimen tidak diberi hak ini untuk memberi *nomination* kerana kita hanya menerima surat panggilan mesyuarat yang bertarikh pada 13 hari bulan, yang itu tidak cukup masa 14 hari pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kami memang faham bahawa kita kesuntukan masa untuk mengadakan mesyuarat Parlimen, tetapi ini semua adalah kerana [Disampuk] Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mengadakan pilihan raya pada tarikh yang tidak sesuai [Disampuk] dan kami sebagai Ahli Parlimen yang bertanggungjawab, kita memang [Disampuk] atau semasa mengangkat sumpah pun mengatakan kita mempertahankan peraturan dan juga Perlembagaan. Parlimen ini merupakan forum yang tertinggi di dalam negara ini. [Disampuk] Parlimen yang membuat undang-undang. Sekiranya Parlimen tidak mengikut Perlembagaan ataupun tidak mengikut peraturan, macam mana kita hendak harap rakyat semua mengikut undang-undang yang dibuat oleh Parlimen ini? .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Adalah penting .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat, cukuplah.

**Puan Chong Eng:** .....perlantikan ini walaupun dikatakan bukan – adalah urusan semua Ahli Parlimen.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Nantilah, saya jawab itu.

**Puan Chong Eng:** .....tidak betul katakan kita tidak boleh berucap [Disampuk] ataupun kerana belum mengangkat sumpah kerana ini urusan Parlimen dan sebagai seorang Ahli Parlimen, kita memang berhak menyuarakan bagaimana Parlimen ini hendak dijalankan dan saya harap sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, yang dikatakan mempertahankan Perlembagaan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** .....akan memberi pertimbangan yang serius untuk menjalankan Parlimen dengan betul, dengan mengikut peraturan. Ini sebuah kerajaan yang begitu kuat, yang mempunyai dua pertiga majoritinya, maka tidak ada sebabnya tidak boleh mengikut Perlembagaan atau peraturan. Kami cadangkan, [Disampuk] kami pihak pembangkang bersedia bekerjasama tetapi ia mesti mengikut peraturan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, .....

**Puan Chong Eng:** ..... dan kita juga bersedia kalau ini suratnya tarik balik. *[Disampuk]* Ini adalah Parlimen,...*[Disampuk]* Apa ini? Kelakuan macam budak-budak. Ini adalah Parlimen, wakil rakyat yang berkelakuan macam ini? Malu. *[Disampuk]* Saya harap Yang Amat Berhormat dan juga Tuan Yang di-Pertua, boleh betul-betul merayu supaya Parlimen ini dijalankan mengikut Perlembagaan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Puan Chong Eng:** ..... dan juga peraturan. Terima kasih. *[Disampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Cukuplah, cukup Yang Berhormat. Cukuplah, cukuplah.

Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, yang bercakap itu pun tidak mengikut peraturan. *[Disampuk]* Peraturan kita berkata, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengambil bahagian dalam perbahasan selepas mengangkat sumpah. Yang Berhormat, biarlah kita angkat sumpah dahulu, lepas itu Yang Berhormat hendak mengeluarkan apa-apa kemusykilan, sila keluarkan. Kita mengikut peraturan di atas permintaan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga. Ya.

**Tuan Mahfuz bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua sebutkan tadi bahawa kita memang mengikut peraturan tetapi bagaimana kalau persidangan Parlimen ini bermula dengan tidak mengikut peraturan, khususnya tidak mengikut Perlembagaan Persekutuan. *[Tepuk]* So, bagaimana Ahli-ahli Parlimen hendak mengikut peraturan dan peruntukan Perlembagaan? .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, baiklah.

**Tuan Mahfuz bin Haji Omar:** Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua, dapat memahami apa yang menjadi hasrat kami semua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Baiklah, kalau begitu kita masuklah kepada perkara yang nombor dua iaitu *[Ketawa]* ya, ya.

**Seorang Ahli:** Belum dijawab?

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]* *[Alat pembesar suara rosak]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat bercakap mengenai perkara itu selepas daripada upacara mengangkat sumpah. Ya, kita mengikut peraturan. Dengan itu, selepas upacara mengangkat sumpah, Yang Berhormat boleh bercakap. Ya, yang sebenarnya sekarang ini Yang Berhormat tidak berhak membuat ucapan. Selepas ini .....

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]* *[Alat pembesar suara rosak]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Apa Yang Berhormat hendak kacau itu, ha?

**Seorang Ahli:** Berapa lama lagi ini?

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tuan Yang di-Pertua, tadi ada kata bahawa ini amalan biasa di negara Britain dan sebagainya – ini satu penafsiran yang mungkin baru dan saya hendak tahu apakah kuasa dan adakah terhad kepada apa? Saya tidak percaya bahawa kuasa yang diberikan kepada *caretaker government* di Britain itu termasuk memanggil mesyuarat Parlimen secara begini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang itu perselisihan fahamlah. Yang Berhormat faham begitu, saya faham begini. Ya, dan kalau sekiranya saya silap mengikut Peraturan Mesyuarat hanya boleh diubah, hendaklah dipakai apabila speaker itu membuat apa-apa keputusan *[Tepuk]* Kalau sekiranya silap, Yang Berhormat boleh minta supaya keputusan ini dipinda mengikut Peraturan Mesyuarat 43 iaitu mengeluarkan satu usul dan mengatakan, keputusan Speaker itu tidak betul. Ya, .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** .....tetapi yang sebenarnya – Yang Berhormat bagi Kepong, saya mintalah tolong menolong pada mesyuarat ini kerana Yang Berhormat bagi Kepong sudah lama menjadi ahli Dewan yang mulia ini. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Alat pembesar suara rosak]* .....itu setuju dengan apa yang disebutkan *caretaker government* bagi nasihat untuk proklamasi memanggil mesyuarat, untuk ada mesyuarat Parlimen ini, itu yang pertama.

Yang kedua, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam itu mengikut Peraturan Mesyuarat 4(1), Tuan Yang di-Pertua, ialah kita mesti diberi notis bahawa ada cadangan untuk speaker juga. Ini mengikut cara demokrasi, mengikut peraturan ini.

Ada satu cadangan daripada pihak Yang Berhormat bagi Pendang untuk mengadakan seorang Tuan Yang di-Pertua, tetapi tidak diberi notis dengan cukup. Itu masalahnya, Tuan Yang di-Pertua, tidak diberi notis dengan cukup.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biarlah saya menjawab yang itu. Yang sebenarnya, *[Sistem pembesar suara rosak]*.

**Puan Fong Po Kuan:** .....dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jika saya diberi peluang untuk merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 4(1), .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam tadi.

**Puan Fong Po Kuan:** Ya, tetapi saya ingin menekankan barisan yang terakhir kepada perenggan satu, Tuan Yang di-Pertua. “*Dengan bersurat sekurang-kurangnya empatbelas hari sebelum mesyuarat*”. Tadi, Tuan Yang di-Pertua, menyatakan bahawa Tuan Yang di-Pertua telah menerima surat, *[Disampuk]* setiasa menulis surat, bertarikh 3 Disember. Oleh itu 14 hari telah memadai. Jika Tuan Yang di-Pertua, merujuk dan meneliti perenggan pertama, barisan terakhir, sekurang-kurangnya 14 hari sebelum mesyuarat, ini bermaksud, satu tarikh mesyuarat mesti telah diberikan terlebih dahulu sebelum 14 hari bermula. *[Tepuk]* Ini bermaksud, surat yang bertarikh 13 Disember, ditambah dengan 14 hari tidak mencukupi untuk bersidang pada hari ini dan untuk pemilihan. Maaf ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, baiklah, saya cuba menjawab Yang Berhormat. Berkenaan dengan perlantikan speaker ini, kita tahu selepas daripada diadakan pilihan raya dan mendapat keputusan, maka mengikut Perlembagaan, kita ada 120 hari untuk mengadakan permesyuaratan yang pertama.

Jadi, dalam masa 120 hari lagi sebelum dipanggil mesyuarat oleh Jemaah Menteri, maka Ahli-ahli Yang Berhormat boleh menukarkan nama sesiapa yang boleh menjadi seorang speaker. Boleh, walaupun belum lagi ditetapkan tarikh mesyuarat. Yang mencalonkan, mencadangkan sesiapa menjadi speaker itu bukanlah kepada Jemaah Menteri, mana-mana ahli boleh mencadangkan.

Jadi, tidaklah ada kita melanggar mana-mana peraturan ataupun Perlembagaan, tidak ada. Terpulang kepada..... mengikut undang-undang yang saya baca iaitu tiap-tiap orang mesti tahu berkenaan dengan undang-undang. Jadi, bolehlah mereka itu apabila selepas daripada pilihan raya sahaja menghantar surat kepada setiasa, mencadangkan sesiapa menjadi speaker.

**Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pula cadangan daripada Yang Berhormat bagi Pendang .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia hantar hari ini sahaja. Jadi, tidak cukuplah 14 hari itu. *[Ketawa]* Ya.

**Seorang Ahli:** Teruskanlah, teruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Tan Kok Wai:** Okay, Peraturan Mesyuarat yang sama 4(1), .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Tan Kok Wai:** Sungguhpun Yang Berhormat bagi Pendang mencadangkan seorang untuk dipilih sebagai speaker tetapi beliau tidak boleh dipersalahkan kerana kekurangan masa. Kerana tidak ada seorang ahlipun di sini dimaklumkan sebelum notis [*Disampuk*] dikeluarkan oleh Setiausaha bagi Parlimen yang bertarikh 13 hari bulan itu bahawa mesyuarat hari pertama adalah hari ini, maka 14 hari itu tidak dipatuhi.

**Tuan Yang di-Pertua:** [*Ketawa*] Saya menerangkan tadi Yang Berhormat .....

**Tuan Tan Kok Wai:** Ini adalah mengikut prinsip mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya terangkan tadi iaitu kita tahu selepas daripada pilihan raya, maka hendaklah diadakan mesyuarat dalam masa 120 hari. Selepas daripada itu jikalau sekiranya kita hendak mencadangkan sesiapa menjadi Tuan Yang di-Pertua, maka bolehlah dia menghantarkan surat cadangan itu kepada Setiausaha. Tidak payah dia menunggu pada masa mesyuarat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita masuklah kepada perkara yang nombor dua dan haraplah Ahli Yang Berhormat sekalian .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Alat pembesar suara rosak*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, nanti-nanti.

**Dr. Tan Seng Giaw:** .....siapa yang mencadang dan siapa yang .....

**Seorang Ahli:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Perdana Menteri yang mencadangkan. Ya, ya.

**Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya rasa saya boleh bercakap oleh kerana saya sudah mengangkat sumpah sebagai Senator.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh Yang Berhormat. Tidak boleh. [*Tepuk*] Biarlah, biarlah perkara ini.

**Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia:** .....iaitu kita berbalik kepada soal pokok iaitu soal demokrasi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia:** Apa yang dipertikaikan pada hari ini ialah mengenai dengan interpretasi Perlembagaan dan Peraturan Mesyuarat dan kita dalam pihak kerajaan yang majoriti ini berpendapat bahawa interpretasi kita adalah yang betul dan pembangkang juga mempunyai interpretasi yang dia kata betul tetapi kalau kita berbalik kepada soal demokrasi yang majoriti mesti prevail. Jadi, kita teruskan mesyuarat ini.

**Beberapa Ahli:** Ya. [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita teruskan sahajalah. Janganlah perkara ini dibawa ke tengah lagi, dibawa dengan tidak mendatangkan faedah kepada kesemua pihak.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya terlebih dahulu mengucapkan berbilang-banyak terima kasih pertamanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas usul mencadangkan saya menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini. Saya juga mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli yang lain yang memberi sokongan kepada cadangan ini. Saya menerima pelantikan ini dengan

sungguh besar hati dan berharap moga-moga saya dapat menunaikan tugas ini dengan baik seperti yang diharapkan.

Saya mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat sekalian yang telah pun mendapat kemenangan di dalam pilihan raya yang lepas. Saya sedar bahawa jawatan wakil rakyat ini sungguh berat. Yang Berhormat-Yang Berhormatlah yang akan menentukan nasib dan corak pemerintahan negara kita pada masa hadapan. Oleh yang demikian, rakyat mengharapkan kesemua Ahli Dewan Rakyat dapat menjalankan tugas masing-masing dengan penuh dedikasi dan dengan tujuan semata-mata untuk membangunkan Malaysia supaya negara kita ini menjadi bertambah maju dan makmur.

Oleh yang demikian, Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah mengeluarkan teguran-teguran yang membina semasa berbahas dalam Dewan ini dan hendaklah ahli-ahli juga jangan mengeluarkan ucapan-ucapan yang boleh menjejaskan perjalanan mesyuarat dan juga untuk menjaga nama baik Dewan ini.

Kita bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana dalam pilihan raya yang lepas tidak ada apa-apa kejadian yang buruk berlaku dan pilihan raya itu berjalan dengan licin. Demi untuk mengekalkan demokrasi yang teguh di negara kita, marilah kita bersama-sama bergiat, moga-moga keadaan harmoni di antara semua kaum di negara kita ini pada masa-masa hadapan dapat dikekalkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah mematuhi Peraturan Mesyuarat yang telah pun digubalkan. Setiap ahli akan diberi senaskhah buku yang mengandungi Peraturan-peraturan Mesyuarat ini. Saya berharap Ahli-ahli istimewanya Ahli-ahli baru membaca Peraturan Mesyuarat ini supaya memahaminya dengan mendalam. Saya sungguh berharap Ahli-ahli Yang Berhormat memberi kerjasama kepada saya dan kepada sesiapa yang akan dilantik menjadi Timbalan-timbalan Yang di-Pertua supaya segala urusan mesyuarat boleh dijalankan dengan tertib.

Akhirnya saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas pelantikan saya sebagai Yang di-Pertua. Saya akan cuba menunaikan tugas saya dengan saksama dan mengikut ikrar yang telah saya lafazkan tadi.

Sekian, terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sampailah kita kepada Upacara Mengangkat Sumpah. Untuk menjimatkan masa saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat keluar.....[Ahli Yang Berhormat bagi Kepong bangun], Ya?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya [Pembesar suara tidak berfungsi].....kerana tafsiran yang pertama itu.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya dengar Yang Berhormat. Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kerana tafsiran .....kepada pihak caretaker government [Pembesar suara tidak berfungsi].....dari segi implikasi ini.....Usahlah kerana mesyuarat ini dianggap oleh pihak Barisan Nasional sebagai sah, sebab itulah kita dengan lantanganya bahawa semua tidak mengangkat sumpah dalam satu mesyuarat yang mengikut tafsiran kita tidak sah .....[Pembesar suara tidak berfungsi]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidakkah kita boleh memegang kepada dasar demokrasi iaitu *the majority prevail*. Jikalau sekiranya kita tidak mahu mengamalkan ataupun memegang kepada dasar itu, apakah maknanya negara kita ini negara demokrasi. Kalau begitu tidaklah bermakna kata pilihan raya yang dia mengambil keputusan daripada pengundi-pengundi dengan secara demokrasi itu tidak sah. Adakah kita boleh membangkitkan perkara begini? Oleh yang demikian, saya mintalah Ahli-ahli daripada pihak Pembangkang juga supaya boleh memahami perkara ini. [Yang Berhormat bagi Keningau bangun] Ya, ya, Keningau ya.

**Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan:** [Membetul-betulkan pembesar suara]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila, sila berucap ya.

**Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan:** Tuan Yang di-Pertua, saya ini selalu mengharapkan agar demokrasi dapat dijalankan di seluruh negara kita. *[Pembesar suara tidak berfungsi]*..... Apa ertinya demokrasi kalau sudah ada .....Jadi, suara majoriti itu kalau bukan berasaskan undang-undang tidak ada ertinya sama sekali, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Chong Eng:** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua Peraturan yang kami bacakan sebelah saya ini telah pun ditunaikan. Yang mana yang tidak ditunaikan, seperti mana Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada parti pembangkang menyebutkan-nyebutkan, saya telah menerangkan semua Peraturan Mesyuarat dan segala artikel di dalam Perlembagaan telah pun ditunaikan. Jadi, saya harapkan Ahli-ahli sekalian bertenang, marilah kita menjalankan mesyuarat kita pada hari ini dengan perasaan muhibah, dengan perasaan tenang dan bukan kali ini sahaja yang kita akan mengadakan mesyuarat, di masa hadapan untuk lima tahun lagi kita akan mengadakan mesyuarat juga. Jika mesyuarat permulaan ini begini permulaannya, tentulah tidak baik padahnya pada masa hadapan. Yang demikian, marilah kita teruskan Upacara Mengangkat Sumpah ini.

**Puan Chong Eng:** Menurut hasrat..... *[Diganggu oleh beberapa ahli]* untuk memulakan majlis ini ke dalam alaf yang baru supaya satu Parlimen yang baik bermula dengan baik tentulah kita membawa.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Puan Chong Eng:**.....supaya minta Parlimen ini mengikut undang-undang. Saya hendak memaklumkan Dewan ini bahawa Kerajaan Pulau Pinang ataupun Dewan Undangan Pulau Pinang membuat kesalahan yang sama tetapi telah diperbetulkan pada hari .....*[Pembesar suara tidak berfungsi]*....keluarkan satu notis lagi yang baru supaya membatalkan notis sebelum Exco ditubuhkan. Maka, Tuan Yang di-Pertua, kita hanya manusia dan manusia membuat kesalahan, *to err is only human*, maka yang betul bernilai ialah setelah kita tahu kita telah membuat satu kesilapan, kita membetulkan. Seperti yang dikatakan oleh Confucius di antara tiga orang, mesti ada seorang yang boleh menjadi guru saya, *[Berbahasa Cina]*....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah itu Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:**....Maka, walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Tuan Yang di-Pertua memang berusia lebih tua daripada Ketua Menteri Pulau Pinang tetapi sekiranya kita mengikut prinsip ini kita boleh mendapat ajaran daripada sesiapa pun, walau orang yang lebih muda daripada kita, orang yang kurang pengalaman daripada kita. Maka, di dalam Dewan ini yang penting.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat....

**Puan Chong Eng:** ....kita mesti mengikut Perlembagaan dan juga Peraturan, itulah asasnya kita bekerja. Walaupun katakan ada majoriti, memang ada majoriti tetapi sekiranya prinsip ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Puan Chong Eng:** .....majority rules, maka kita tidak ada.....*[Pembesar suara tidak berfungsi]**[Diganggu]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** Cukup, cukup, cukup.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya pun hendak berucap juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah. Yang Berhormat.....*[Diganggu]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak bercakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat. Yang saya sebut-sebutkan tadi, pada fikiran saya tidak ada yang silap, yang kita tidak mengikuti Peraturan Mesyuarat. Jadi, bagaimanakah kita hendak membetulkan benda yang tidak silap. *[Ketawa]* Jadi, Yang Berhormat, baiklah kita mengadakan Upacara Mengangkat Sumpah sekarang, biarlah, cukuplah. *[Yang Berhormat bagi Batu Gajah bangun]* Cukuplah Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Cukuplahhhh!

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah. Yang Berhormat mengulang-ulangkan balik apa yang dicakapkan....*[Sorak]*

**Tuan Chow Kon Yeow:** Tetapi seolah-olahnya, Tuan Yang di-Pertua *[Diganggu]* tidak langsung ataupun...

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** *[Menyampuk]*

**Tuan Chow Kon Yeow:** .....cuba mengetepikan hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Batu Gajah. *[Diganggu]* Mesyuarat haruslah ditetapkan terlebih dahulu sebelum penamaan calon untuk Tuan Yang di-Pertua dapat dikeluarkan. Jadi, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati tidak memberi jawapan yang memuaskan dan sama sekali mengelakkan hujah yang *[Diganggu]*.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukuplah. Baiklah Yang Berhormat, cukuplah. Pada fikiran saya itu.....

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk][Disorak]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk][Pembesar suara tidak berfungsi]* .....majority prevail jika ia menjalankan Perlembagaan.*[Disorak]*

**Seorang Ahli:** Hoi, baliklah ho!.

**Beberapa Ahli:** *[Sorak]*

**Puan Fong Po Kuan:** *[Terus berucap walaupun pembesar suara tidak berfungsi dan disorak oleh beberapa orang Ahli]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tadi saya sudah beri jawapan.

**Beberapa Ahli:** *[Bersorak]*

**Seorang Ahli:** Tidak fahamkah!

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk][Disorak]*

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk][Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukuplah.

**Puan Fong Po Kuan:** ....Jemaah Menteri....*[Diganggu][Disorak]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat.....*[Beberapa Ahli Bersorak]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan:** Jemaah Menteri belum mengangkat sumpah bagaimanakah ia boleh.....*[Disorak]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah.

**Puan Fong Po Kuan:** *[Menyampuk][Diganggu]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkara itu telah pun saya beri jawapan tadi, ya. *Caretaker government* boleh buat. Yang Berhormat, kita masuklah kepada perkara mengangkat sumpah ini. Oleh yang demikian, saya .....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun][Disorak]*

**Seorang Ahli:** Tidak suka keluar!

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk][Bersorak]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Menyampuk][Pembesar suara tidak berfungsi]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tidak apa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ada bantahan.....satu walk-out.....

*[Semua Ahli Parti Pembangkang keluar Dewan][Disorak]*

**Beberapa Ahli:** Oi, balik, balik!, berambus, berambus, get lost! *[Sorak]*

**Seorang Ahli:** Tidak angkat sumpah tidak boleh masuk, ooo!

#### UPACARA MENGANGKAT SUMPAH AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sampailah kita kepada Upacara Mengangkat Sumpah. Untuk menjimatkan masa saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat keluar dan mengangkat sumpah di rostrum seorang demi seorang mengikut senarai yang telah diedarkan kepada Ahli Yang Berhormat. Nama Ahli-ahli Yang Berhormat tidak akan dipanggil. Ahli-ahli Yang Berhormat akan mengangkat sumpah di rostrum yang ada pembesar suara itu. Sila sebutkan nama masing-masing selepas membaca perkataan "saya" dalam teks sumpah yang disediakan di atas rostrum berkenaan. Semasa seorang ahli sedang mengangkat sumpah, Ahli-ahli yang lain hendaklah bersedia bergerak meninggalkan tempat duduk masing-masing. Dalam tempoh yang sama tiga orang ahli telah sedia berdiri di belakang ahli yang sedang mengangkat sumpah. Sebaik sahaja ahli yang mengangkat sumpah selesai, ahli yang berkenaan akan terus menandatangani buku sumpah dan ikrar yang ada di atas meja di hadapan dan kemudian balik ke tempatnya, sementara itu ahli yang menunggu di belakang terus mara mengangkat sumpah mengikut susunan giliran dan kekosongan tempatnya digantikan oleh ahli yang lain yang sedang menunggu di laluan hala menuju ke tempat angkat sumpah dan seterusnya.

Sekarang saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengangkat sumpah diikuti oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Ahli-ahli yang berikut telah mengangkat Sumpah:-

1. Y.A.B. Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad
2. Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi
3. Y.B. Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik
4. Y.B. Dato' Seri S. Samy Vellu
5. Y.B. Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik
6. Y.B. Tun Dato' Daim Zainuddin
7. Y.B. Datuk Amar Leo Moggie anak Irok
8. Y.B. Dato' Seri Rafidah Aziz
9. Y.B. Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak



10. Y.B. Datuk Law Hieng Ding
11. Y.B. Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar
12. Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin
13. Y.B. Datuk Chua Jui Meng
14. Y.B. Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman
15. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob
16. Y.B. Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir
17. Y.B. Datuk Dr. Fong Chan Onn
18. Y.B. Dato' Ong Ka Ting
19. Y.B. Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Dato' Abd. Aziz
20. Y.B. Dato' Haji Azmi bin Khalid
21. Y.B. Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein
22. Y.B. Tan Sri Bernard Giluk Dompok
23. Y.B. Dato' Dr. Rais bin Yatim
24. Y.B. Datuk Mohd. Effendi bin Norwawi
25. Y.B. Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus
26. Y.B. Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed
27. Y.B. Datuk Peter Chin Fah Kui
28. Y.B. Dato' Kerk Choo Ting
29. Y.B. Dato' Chan Kong Choy
30. Y.B. Dato' S. Subramaniam
31. Y.B. Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal
32. Y.B. Datuk Douglas Uggah Embas
33. Y.B. Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh
34. Y.B. Dato' Chor Chee Heung
35. Y.B. Datuk Tan Chai Ho
36. Y.B. Dato' G. Palanivel
37. Y.B. Datuk Ir. Ong Tee Keat
38. Y.B. Tan Sri Ramli Ngah bin Talib
39. Y.B. Datuk Seri Mohd. Shariff bin Omar
40. Y.B. Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil
41. Y.B. Datuk Haji Zainal bin Dahalan
42. Y.B. Dato' Zainal Abidin bin Zin
43. Y.B. Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar
44. Y.B. Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin
45. Y.B. Datuk Anifah Aman @ Haniff Aman
46. Y.B. Dr. Tan Kee Kwong
47. Y.B. Dr. Tiki anak Lafe

48. Y.B. Dato' Dr. Ng Yen Yen
49. Y.B. Dr. Abdul Latiff bin Ahmad
50. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
51. Y.B. Dato' Abu Bakar bin Taib
52. Y.B. Datuk Seri Abu Zahar bin Haji Isnin
53. Y.B. Puan Khamsiyah binti Yeop
54. Y.B. Tuan Haji Noh bin Haji Omar
55. Y.B. Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai
56. Y.B. Tuan Yong Khoon Seng
57. Y.B. Tun Abdul Ghafar bin Baba
58. Y.B. Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh bin Hamzah
59. Y.B. Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud
60. Y.B. Datuk Osu bin Haji Sukam
61. Y.B. Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud
62. Y.B. Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail
63. Y.B. Tuan Hashim bin Ismail
64. Y.B. Tuan Chia Kwang Chye
65. Y.B. Tuan Wong Kam Hoong
66. Y.B. Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak
67. Y.B. Datuk Yong Teck Lee
68. Y.B. Tan Sri Abdul Hamid bin Pawanteh
69. Y.B. Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan
70. Y.B. Dato' Dr Teng Chew Peh
71. Y.B. Dato' Napsiah bin Omar
72. Y.B. Dr. Robia binti Kosai
73. Y.B. Tuan Anpalagan a/l Sami Reddy
75. Y.B. Tuan P. Veerasingam a/l Suppiah
76. Y.B Dato' Loke Yuen Yow
77. Y.B Datuk Peter Tinggom anak Kamarau
78. Y.B Datuk Railey bin Haji Jeffrey
79. Y.B. Dato' Haji Muhamad bin Abdullah
80. Y.B Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman
81. Y.B Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar
82. Y.B Datu Amir Kahar bin Tun Datu Haji Mustapha
83. Y.B Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad
84. Y.B Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad
85. Y.B Puan Hajah Rohani binti Abdul Karim
86. Y.B Tuan Rizalman @ Sumen bin Abdullah

87. Y.B Dato' Dr. Mahadzir bin Mohd. Khir
87. Y.B Datuk Song Swee Guan
88. Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew
89. Y.B Tuan Tiong Thai King
90. Y.B. Tuan Billy Abit Joo
91. Y.B. Tuan Richard Riot anak Jaem
92. Y.B. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh
93. Y.B. Tuan Jawah anak Gerang
94. Y.B. Dato' Hew See Tong
95. Y.B. Tuan Jimmy Lim Donald
96. Y.B. Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz
97. Y.B. Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd.Hanadzlah
98. Y.B. Puan Seripah Noli binti Syed Hussin
99. Y.B. Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof
100. Y.B. Tuan Fu Ah Kiow
101. Y.B Dato' Yap Pian Hon
102. Y.B. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi
103. Y.B. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis
104. Y.B. Puan Hajah Sukinam binti Domo
105. Y.B. Datuk Lim Si Cheng
106. Y.B. Tuan Hoo Seong Chang
107. Y.B. Tuan Ho Cheong Sing
108. Y.B. Tuan Jacob Dungau Sagan
109. Y.B. Datuk Lau Ngan Siew
110. Y.B. Tuan Chang See Ten
111. Y.B. Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob
112. Y.B. Dr. Tan Yee Kew
113. Y.B. Puan Komala Devi a/l M. Perumal
114. Y.B. Tan Sri Dr. Karnail Singh Nijhar a/l Amar Singh
115. Y.B. Tuan Madius bin Tangau
116. Y.B. Tuan Mah Siew Keong
117. Y.B. Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat
118. Y.B. Tuan Shaziman bin Abu Mansor
119. Y.B. Tuan Mohamad bin Haji Aziz
120. Y.B. Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin
121. Y.B. Tuan Mohd. Ali bin Hassan
122. Y.B. Tuan Abdul Kadir bin Annuar
123. Y.B. Datuk Suhaili bin Abdul Rahman

124. Y.B. Tuan Ir. Mohd. Zin bin Mohamed
125. Y.B. Tuan Alexander Nanta Linggi
126. Y.B. Tuan Henry Sum Agong
127. Y.B. Tuan Tiong King Sing
128. Y.B. Tuan Juslie bin Ajirol
129. Y.B. Tuan Joseph Salang anak Gandum
130. Y.B. Dr. James Dawos Mamit
131. Y.B. Tuan Shim Paw Fatt
132. Y.B. Tuan Moktar bin Radin
133. Y.B. Tuan Philip Benedict Lasimbang
134. Y.B. Tuan Ronald Kiandee
135. Y.B. Tuan Thong Fah Chong
136. Y.B. Datuk Goh Siow Huat
137. Y.B. Puan Chew Mei Fun
138. Y.B. Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar
139. Y.B. Datuk Mohd Zain bin Haji Omar
140. Y.B. Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin
140. Y.B. Tuan Lee Kah Choon
141. Y.B. Dato' Zulhasnan bin Rafique
142. Y.B Puan Lim Bee Kau
143. Y.B. Tuan Mohamed Sayuti bin Mohamed Said
144. Y.B. Tuan Mohd. Sarit bin Haji Yusoh
145. Y.B Tuan Kong Cho Ha
146. Y.B. Tuan Liow Tiong Lai
147. Y.B Dato' Haji Fadhil bin Mohd. Noor
148. Y.B. Dr. Tan Seng Giaw
149. Y.B. Tuan Kerk Kim Hock
150. Y.B. Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan
151. Y.B Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail
152. Y.B. Tuan Mahfuz bin Omar
153. Y.B. Tuan Nasharudin bin Mat Isa
154. Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu
155. Y.B. Dato' Dr. Hassan bin Mohamed Ali
156. Y.B. Tuan Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi
157. Y.B. Tuan Haji Husam bin Haji Musa
158. Y.B. Dato' Haji Shahnnon bin Ahmad
159. Y.B. Dato' Haji Kamarudin bin Jaffar

160. Y.B. Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Harun
161. Y.B. Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah
162. Y.B. Tuan Zawawi bin Haji Ahmad
163. Y.B. Tuan Haji Taib Azamuddin bin Md. Taib
164. Y.B. Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin
165. Y.B. Tuan Haji Ismail bin Noh
166. Y.B. Tuan Alwi bin Jusoh
167. Y.B. Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat
168. Y.B. Dr. Abu Bakar bin Othman
169. Y.B. Tuan Haji Yusof bin Mohd Noor
170. Y.B. Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud
171. Y.B. Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad
172. Y.B. Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abdul Rashid
173. Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim
175. Y.B. Tuan Tan Kok Wai
176. Y.B. Tuan Lim Hock Seng
177. Y.B. Dr. Maximus Johnity Ongkili
178. Y.B. Tuan Hassan bin Mohamed
179. Y.B. Tuan Ramli bin Ibrahim
180. Y.B. Puan Chong Eng
181. Y.B. Tuan Fong Kui Lun
182. Y.B. Tuan Chow Kon Yeow
183. Y.B. Dr. Yee Moh Chai
184. Y.B. Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff
185. Y.B. Tuan Muhammad bin Mustafa
186. Y.B. Puan Fong Po Kuan
187. Y.B. Tuan Goh Kheng Huat
188. Y.B. Tuan Abdul Rahman bin Yusof
189. Y.B. Tuan Saupi bin Daud
190. Y.B. Tuan Che Ghani bin Ambak

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah aturcara mengangkat sumpah. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sekarang saya mempersilakan Ahli-ahli Yang Berhormat kepada sesi penggambaran beramai-ramai di Dewan Bankuasi selepas daripada ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan pada jam 2.30 petang.

*Mesyuarat ditempohkan pada pukul 12.50 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**USUL DI BAWAH PERKARA 62(1) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

**Acara Mesyuarat**

**2.32 ptg.**

**Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa menurut Perkara 62(1) Perlembagaan Persekutuan, walau apa pun yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai urusan yang berikut, iaitu:-

1. Usul melantik dua orang Timbalan Yang di-Pertua;
2. Bacaan Kali Pertama Rang Undang-undang yang berikut, iaitu:
  - (i) Rang Undang-undang Perbekalan 2000;
  - (ii) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 1999;
  - (iii) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999;
  - (iv) Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan)(No. 2) 1999;
  - (v) Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 1999;
  - (vi) Rang Undang-undang Institut Teknologi MARA (Pindaan) 1999
3. Bacaan Kali Kedua dan Ketiga Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 1999 dan Pertimbangan Usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sementara 2000;
4. Bacaan Kali Kedua dan Ketiga Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No. 2) 1999;
5. Bacaan Kali Kedua dan Ketiga Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan)(No.2) 1999; dan
6. Bacaan Kali Kedua dan Ketiga Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan) 1999.

**Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah Usul oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah dibacakan tadi hendaklah dipersetujukan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 1.. “*Pada hari mula-mula diadakan mesyuarat Majlis selepas pilihan raya dan setelah Ahli-ahli berkumpul pada waktu dan di tempat yang ditetapkan dan setelah Ahli-ahli duduk di kerusi masing-masing, menurut syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 2, maka Setiausaha hendaklah membacakan pemasyhuran Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memanggil mesyuarat dan kemudian daripada itu urusan-urusan yang hendak dijalankan pada hari itu ialah-*

- (a) Memilih Tuan Yang di-Pertua;
- (b) Tuan Yang di-Pertua mengangkat sumpah mengikut seperti yang dibentangkan dalam Jadual Keenam dalam Perlembagaan;
- (c) Ahli-ahli Mesyuarat mengangkat sumpah dan mengikut seperti yang dibentangkan dalam Jadual Keenam dalam Perlembagaan,

dan setelah selesai urusan-urusan ini, maka Majlis akan ditangguhkan kepada apa-apa tarikh dan waktu yang ditetapkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi memasyhurkan sebab-sebab Baginda bertitah memanggil Parlimen”.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak menekankan bahawa walaupun Yang Amat Berhormat telah mengikut Perkara 62(1) *“Subject to the provision of this Constitution and of the Federal Law 62(1) each House of Parliament shall regulate its own procedure”*. Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat ini tidak wujud di sini kerana dengan terus terang dikatakan *“.....Majlis akan ditangguhkan kepada apa-apa tarikh dan waktu yang ditetapkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi memasyhurkan sebab-sebabnya bagi Baginda bertitah memanggil Parlimen”* dan kemudian kalau ditangguhkan pada selepas sumpah ataupun ikrar tadi, maka kita perlu satu proklamasi yang lain, yang baru untuk menetapkan satu mesyuarat, satu Majlis dan kalau ikut Perkara 62(1) Perlembagaan Persekutuan sahaja tidak cukup, tidak kena, tidak tepat, tidak jitu, tidak persis pula.

Saya berharap Tuan Yang di-Pertua dapat mengambil keputusan sama ada mesyuarat ini sah ataupun tidak dan tambah pula beberapa rang undang-undang telah pun dibentangkan tadi, ini tidak mengikut peraturan. Kalau kita tengok, Tuan Yang di-Pertua, Perkara 102 pun ia spesifik, khusus untuk Perbekalan 2000 sahaja, tidak ada perkara yang lain yang boleh dibangkitkan, walaupun ada majoriti kita perlu ikut undang-undang kerana kita mematuhi kepada kedaulatan undang-undang, sama ada daripada pihak pembangkang ataupun pihak Barisan Nasional mesti kita mengikut undang-undang dengan tepat.

Cara yang betulnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah kita adakan satu perisytiharan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang baru untuk mengadakan mesyuarat seterusnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat....

**Puan Fong Po Kuan:** [Menyampuk][Pembesar suara dimatikan]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada bacaan saya, tiap-tiap aturan mesyuarat itu boleh digubal, dibuat mengikut usul oleh Dewan ini dan kita telah pun mengemukakan kepada pihak kerajaan, telah mengemukakan usul yang tadi yang telah dibaca iaitu menurut Perkara 62(1) Perlembagaan Persekutuan yang membolehkan Ahli Dewan ini membuat peraturan-peraturan, cara-cara untuk dia hendak menjalankan mesyuarat.

Jadi, selepas daripada itu dia kata yang terkandung di dalam Peraturan Mesyuarat, walaupun apa respektif yang terkandung di dalam Peraturan Mesyuarat, maka usul ini akan mengatasi segala perkara yang ada di dalam Peraturan Mesyuarat. Dengan demikian, Perkara 62(1) itu membolehkan Dewan ini membuat Peraturan-peraturan mesyuarat atau aturcara mesyuarat dengan sendirinya. Ini pada fikiran saya adalah perkara yang kita biasa buat, yang kadang-kadang kita gantung kuatkuasa mana-mana Peraturan Mesyuarat. Dengan demikian, kita sekarang ini hendak mengketepikan segala Perkara No. 1 itu iaitu Perkara No. 1 itu hanya tiga perkara sahaja yang boleh dibincangkan tetapi mengikut Perkara 62(1) Perlembagaan Persekutuan, kita boleh membuat peraturan-peraturan sendiri. Inilah usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi. Jadi, itulah keputusan saya. Saya rasa betul yang dibuat itu, tidak silap mengikut Peraturan.

**Puan Fong Po Kuan:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Chow Kon Yeow:** Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya membuat sedikit huraian terhadap pandangan yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua mengenai Perkara 62(1). Saya rasa Perkara 62(1) Perlembagaan Persekutuan seperti yang saya petik di sini:

*'Subject to the provision of this Constitution and of the Federal Law, each House of the Parliament shall regulate its own procedure'*

Jadi, mengikut Perkara 62(1) ini Dewan yang mulia ini telah membuat prosedur-prosedur ataupun *regulate its own procedure* yang terkandung dalam *Standing Order of the House*, bermakna khusus bagi ini, sudah ada Peraturan-peraturan yang khusus telah ditetapkan di bawah Perkara 62(1) iaitu Perkara 1 dalam standing order ini, cuma tiga perkara yang perlu dibereskan dalam mesyuarat yang pertama. Jadi, seperti usul yang dicadangkan tadi, tidak langsung memberi kuasa kepada Dewan ini untuk tidak akan ditangguhkan sehingga perkara-perkara yang ingin diselesaikan, dibereskan. Jadi, saya rasa seperti Tuan Yang di-Pertua berkata, perlu ada satu jalan keluar daripada masalah ini iaitu untuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Timbalannya membawa satu usul untuk *suspend Standing Order No. 1* supaya perkara-perkara yang dibangkitkan ini dapat diselesaikan, bukan melalui Perkara 62(1).

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, pada fikiran saya Perkara 62(1) itu Dewan boleh membuat peraturan-peraturan pada mana-mana masa pun, tidak terhad kepada membuat peraturan-peraturan mesyuarat yang telah digubal itu. Pada mana-mana masa pun boleh, kalau sekiranya kita bersidang, ada usul dan dipersetujui, pada fikiran saya Dewan boleh berkuasa membuat peraturan-peraturan Mesyuarat.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 90(1) yang saya bacakan:

*"Except with the consent of the Yang di-Pertua, the House shall not proceed upon any Bill, amendment, motion or petition which, in the opinion of Tuan Yang di-Pertua, would suspend the Standing Orders of the House or any of them"*

*"90(2) A question, to the subject or effect of which may be to suspend any Standing Order of the House, shall be proposed only either after notice given, or with the consent of Tuan Yang di-Pertua who shall immediately without debate put the question"*.

Masalah di sini ialah semasa usul ini dikemukakan Dewan ini masih tidak ada Tuan Yang di-Pertua, maka *suspension* ini tidak boleh dipakai. Saya bagi pihak pembangkang saya hendak tegaskan sekali lagi bahawa apa yang kita buat di sini hanya sebagai tanggungjawab kita, sebagai pembangkang yang bertanggungjawab [*Disorak*] untuk .....Saya berpendapat bahawa bukan pembangkang yang perlu bertanggungjawab sahaja. Semua ahli di dalam Dewan ini perlu, yang tadi baru bersumpah untuk mempertahankan Perlembagaan dan juga Peraturan di dalam Dewan ini. [*Tepuk*]. Adalah penting yang kami memang faham kesuntukan masa dan pihak pembangkang pun tidak mahu bahawa kerajaan tidak ada duit untuk menghadapi satu krisis di tahun hadapan dalam alaf baru, tidak ada duit untuk perbelanjaan.

Ini memang kita faham tetapi yang kita minta hanya untuk membuatkan segala ini dengan mengikut peraturan. Kami sedia bekerjasama dengan pihak kerajaan tetapi kita harap juga pihak kerajaan akan menghormati Dewan ini dan juga pihak pembangkang dan juga yang lebih penting Perlembagaan dan juga Peraturan Mesyuarat. Maka, saya harap sekiranya ada apa-apa *overlook*, atasilah, bukan malu untuk mengakui dan tidak malu mengakui. [*Tepuk*] Kita sedia memberi kerjasama supaya Dewan ini dimulakan dengan cara yang elok. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul ini bukan sahaja direka oleh Parlimen tetapi juga bersama-sama dengan Attorney General dan kami



telah pun memikirkan usul ini adalah sah dari segi undang-undang. Kami pun bagi pihak Parlimen juga berkehendakkan kesemua kerja itu hendaklah mengikut peraturan.

Berkenaan dengan perkara yang kedua, dia kata, Speaker sudah tidak ada selepas *dissolution* itu. Yang Berhormat mengikut Perlembagaan, Speaker akan terus menjadi Speaker sehingga pada hari yang pertama dilantik ataupun pada hari yang pertama pada Mesyuarat Pertama Parlimen.

**Dato' Seri Dr. Lim Kheng Yik:** Buang masa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak ada buang masa. Macam mana 'Bruas'-nya. Macam mana buang masa, kita ikut Perlembagaan.

**Dato' Seri Dr. Lim Kheng Yik:** Boleh baliklah!

**Seorang Ahli:** Sabar sedikit, sabar.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak pusing, ini bukan pusing. Kita.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kepong, saya ingat kata setelah pun saya membuat keputusan...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, daripada petua Tuan Yang di-Pertua tadi, saya hendak bangkitkan satu perkara iaitu kalau ikut petua Yang di-Pertua tadi bahawa mengikut Perkara 62(1) Perlembagaan Persekutuan, ini bermakna semua yang terkandung seratus perkara ini, boleh dibatalkan dengan begitu sahaja?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jika sekiranya kita putus, ya. Kalau boleh, kalau Dewan ini bersetuju dibatalkan, bahkan yang ini selalu kita buat. Kita menggantungkan operasi mana-mana *provision*, biasa kita buat. Kuasa Parlimen ataupun Dewan ini adalah tertinggi, ia tidak boleh ada sekatan pun. Jikalau sekiranya kita mengehadkan hak kita, *our rights*, kemudian apa jadi kepada Parlimen?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, kita patut menjelaskan kepada 'Bruas' tadi. [Ketawa] kerana dia bercakap sahaja, dia berbisik-bisik, bersembang-sembang sahaja, macam mana boleh! [Disampuk] Mana silapnya, bersembang-sembang macam mana, Tuan Yang di-Pertua bercakap dia dok bercakap di situ, macam mana, tidak ada peraturan langsung. [Ketawa][Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat cukuplah Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Kalau tidak sabar balik dahulu.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri atas Peraturan 1. Kemungkinan penafsiran Tuan Yang di-Pertua boleh dipakai sekiranya kita tidak ada Peraturan yang sedia ada. Jadi, pada pendapat saya Perkara 62(1) itu cuma boleh dipakai sekiranya kita tidak ada. Ini kita sudah ada dengan yang sedia ada, kenapa kita hendak *override* dengan cara itu, kita boleh batalkan, *suspend Standing Orders*, mengapa kita tidak buat begitu?

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Chow Kon Yeow:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 3.....[Disampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Peraturan No. 3, [Disorak] tadi Tuan Yang di-Pertua kata.....

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua sudah buat *ruling*, kalaulah begini cara pembangkang, kami di sini hendak berhujah juga dengan artikel ini. Tuan Yang di-Pertua sudah membuat satu *ruling*, kalau dibenar dibahaskan, kami di sini pun hendak bahaskan juga isu ini. [Tepuk] Apakah ini contoh yang dikemukakan oleh pembangkang pada hari yang pertama ini.

**Tuan Chow Kon Yeow:** Peraturan No. 3

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah. Saya hendak mengemukakan....

**Tuan Chow Kon Yeow:** Saya tidak terima alasan Tuan Yang di-Pertua bahawa Tuan Yang di-Pertua masih memegang jawatan selepas Parlimen dibubarkan. Saya ingat Peraturan 3 jelas selepas Parlimen dibubarkan, jawatan Tuan Yang di-Pertua pun perlu dikosongkan. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat Yang Berhormat bacalah Perlembagaan dahulu ya. *[Sorak]* Ya, cukuplah, cukup ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

## PEMILIHAN TIMBALAN-TIMBALAN YANG DI-PERTUA

2.52 ptg.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Abdullah dan Yang Berhormat Dato' Lim Si Cheng dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana hanya ada dua orang Ahli sahaja yang telah dicadangkan dan disokong untuk memenuhi kedua-dua jawatan Timbalan Yang di-Pertua, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 6(2) dibaca bersama dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, Ahli bagi Maran dan Yang Berhormat Dato' Lim Si Cheng, Ahli bagi Senai dipilih menjadi Timbalan-timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. *[Tepuk]*

## JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

2.54 ptg.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah senantiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah Usul Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****Perlantikan Ketua Pembangkang**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 4(3), saya suka hendak memaklumkan iaitu mengikut maklum balas yang saya terima, saya berpuas hati bahawa Yang Berhormat Datuk Haji Fadzil bin Mohd. Noor, Ahli Parlimen kawasan Pendang telah mendapat sokongan majoriti daripada kalangan ahli-ahli pembangkang di Parlimen untuk dilantik menjadi Ketua Pembangkang. *[Tepuk]*

Oleh itu, saya dengan ini mengiktirafkan Yang Berhormat Datuk Haji Fadzil bin Mohd. Noor, Ahli Parlimen kawasan Pendang sebagai Ketua Pembangkang dan diberi kemudahan-kemudahan di bawah peraturan-peraturan seksyen kecil (2), Seksyen 3 Akta Ahli-ahli Parlimen (Saraan) 1980 mulai pada hari ini.

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2000 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG DISATUKAN  
(PERBELANJAAN MASUK AKAUN) 1999****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membenarkan perbelanjaan untuk sebahagian daripada tahun yang berakhir pada 31 Disember 2000; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN  
(1999)(NO.2) 1999****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN  
(PINDAAN)(NO.2) 1999****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG CUKAI JUALAN (PINDAAN) 1999****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
(PINDAAN) 1999****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri Pendidikan; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat yang akan datang.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG DISATUKAN  
(PERBELANJAAN MASUK AKAUN) 1999****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**2.58 ptg.**

**Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan [Tun Dato' Daim Zainuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta bagi membenarkan perbelanjaan untuk sebahagian daripada tahun yang berakhir pada 31 Disember 2000 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan rang undang-undang ini ialah untuk mendapatkan kebenaran sementara bagi perbelanjaan kerajaan bagi beberapa bulan permulaan tahun 2000 sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 2000 diluluskan kelak oleh kedua-dua Dewan dan mendapat persetujuan Duli Yang Maha Mulia pada tahun hadapan.

Peraturan ini adalah mengikut Perkara 102(a) Perlembagaan. Rang undang-undang ini ialah untuk membenarkan pengeluaran daripada Kumpulan Wang Disatukan sejumlah wang sebanyak RM18,429,403,000 yang dianggarkan mustahak bagi perkhidmatan kerajaan untuk tempoh enam bulan yang pertama tahun 2000.

Jadual kepada rang undang-undang ini menyediakan peruntukan-peruntukan bagi perkhidmatan-perkhidmatan tertentu untuk masa itu. Perbelanjaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini tidaklah termasuk perbelanjaan tanggungan dan sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tidak dikehendaki untuk diluluskan oleh Rang Undang-undang Perbekalan tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**USUL****ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN SEMENTARA 2000**

**3.00 ptg.**

**Tun Dato' Daim Zainuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul di atas nama saya dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini mengikut Seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996 menetapkan bahawa sejumlah wang yang tidak lebih daripada RM12,378,150,000 dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2000 untuk perbelanjaan segera bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Penyata Sementara dibentangkan sebagai Kertas Perintah 35 tahun 1999 dan bahawa jumlah wang yang tersebut dalam ruangan tiga dan empat penyata itu bersetentangan dengan maksud-maksud yang dinyatakan dalam ruang satu penyata itu adalah diuntukkan bagi perbelanjaan itu sementara menunggu Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 2000 hendaklah disahkan dan diluluskan.

Oleh kerana Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2000 tidak dapat dibincangkan dan diluluskan oleh Dewan ini sehingga tahun hadapan, maka perlu peruntukan disediakan untuk kerajaan membiayai segala perbelanjaan yang mustahak pada awal tahun hadapan sehingga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2000 dibentang dan diluluskan dalam Dewan ini.

Peraturan membentangkan dalam Dewan Rakyat penyata sementara yang menunjukkan jumlah-jumlah wang yang perlu dibelanjakan terhadap tiap-tiap maksud perbelanjaan sebelum Anggaran tahun itu diluluskan adalah mengikut Seksyen 4, 5 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1996.

Jumlah perbelanjaan yang dianggarkan bagi masa tertera dari 1 Januari 2000 sehingga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 2000 diluluskan oleh Dewan ini ialah RM12,378,150,000 seperti yang diterangkan dalam Kertas Perintah Bil 35 tahun 1999.

Sepertimana yang telah dinyatakan peruntukan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Sementara ini bertujuan untuk menyediakan peruntukan bagi membiayai perbelanjaan pembangunan bagi awal tahun hadapan sementara menunggu Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2000 diluluskan oleh Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi membenarkan perbelanjaan untuk sebahagian daripada tahun yang berakhir pada 31 Disember 2000 dibaca kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis, kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 68A yang berbunyi:

*"(1) Apabila dibacakan kali yang kedua sesuatu Rang Undang-undang yang dibawa ke dalam Majlis (menurut perenggan (a) dalam Perkara 102 dalam Perlembagaan) bagi memberi kuasa membelanjakan wang bagi sebahagian daripada satu-satu tahun, perbincangan atas Rang Undang-undang ini tidak boleh termasuk perkara-perkara dasar dan tadbir kerajaan atau tujuan-tujuan perbelanjaan itu."*

Ini ialah kerana Ahli-ahli Yang Berhormat akan mendapat peluang membahaskan Anggaran Perbelanjaan tahun 2000 manakala dibentangkan pada awal tahun hadapan. Ya, Kepong.

**3.02 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan rang undang-undang ini dan juga ke atas Usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi.

Yang pertama bagi pihak pembangkang, kita memang suka membantu dan juga bersikap membina (*helpful and constructive*). Tetapi apabila kita bersikap sedemikian, kita memandang serius dengan apa sahaja yang dilakukan yang melanggar peraturan ataupun undang-undang di negara terutamanya Perlembagaan Pesekutuan dan kita akan terus menjadi suka membantu dan juga bersikap membina sepanjang sesi Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, walaupun kita tidak bersetuju dengan Yang Amat Berhormat yang membubarkan Parlimen pada 11 November yang lepas, kita sanggup menyokong usaha untuk membolehkan pihak kerajaan membelanja bagi kegiatan-kegiatan dan maksud-maksud yang tertentu pada tiga, empat bulan yang hadapan kerana tahun kewangan kita berakhir pada 31 Disember dan dengan pembubaran Parlimen oleh Yang Amat Berhormat, maka belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu tidak sah lagi, tidak boleh dipakai lagi, kerana itulah kita perlukan rang undang-undang ini.

Tetapi sebelum saya meneliti perkara-perkara yang terkandung, bukan menyentuh dasar, cuma spesifik, yang terkandung di dalamnya, saya hendak membangkitkan satu perkara iaitu Menteri Kewangan dan kakitangannya termasuk kakitangan di kementerian-kementerian yang lain sudah bertungkus lumus dengan belanja yang tinggi juga untuk membubarkan satu belanjawan. Ini bermakna berjuta ringgit sudah pun dibelanjakan untuk membentangkan satu belanjawan dan kemudian Yang Amat Berhormat dengan begitu sahaja kerana dia takut beberapa faktor termasuk pengundi-pengundi baru lebih 800,000 yang .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 68A ini.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** [*Menyampuk*]

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Point of order. Sila Kepong, Kepong tolong duduk, kalau menghormati Peraturan, tolong duduk.

Tadi Tuan Yang di-Pertua mengatakan bahawa perbahasan tidak termasuk perkara-perkara dasar, itu pertama. Juga perbahasan jangan meliputi tadbir kerajaan dan yang ketiga, tujuan-tujuan perbelanjaan.

Kepong sudah langgar semua ini. [*Ketawa*] Langgar habis, ketiga-tiga perkara sudah langgar. Kata sudah lama dalam Dewan, tetapi contohnya tidak baik sekali pada hari ini, tolonglah beri contoh yang baik, Kepong. Lihatlah 68A itu, cuba baca 68A itu, saya minta ruling Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Jikalau sekiranya Yang Berhormat bagi Kepong mengatakan sebabnya yang rang undang-undang ini dikemukakan, itu termasuk kepada tujuan-tujuan perbelanjaan, jadi yang ini tidak patut disentuh. Yang Berhormat, saya rasa dalam perkara ini, lazimnya dalam tahun 1990 kita ada seumpama ini juga dan tidak ada perbahasan pada ketika itu dan perbahasan bukan hendak ditarik balik daripada sesiapa, kalau hendak berbahas Ahli-ahli Yang Berhormat akan mendapat beberapa hari dalam perbahasan perbelanjaan dekat-dekat 20 hari yang akan dapat kita bincangkan perbelanjaan pada masa dikemukakan dalam bulan Februari yang akan datang.

Jadi Yang Berhormat, kita haraplah supaya jangan membuang masa pada hari ini, jikalau sekiranya bercakap pun mesti termasuk ataupun menyentuh di atas perkara yang tiga tadi, dasar, tadbir kerajaan dan tujuan-tujuan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang kalau kita ikut Perkara 68A itu memang ada tiga perkara, cuma saya dengan mukaddimah sahaja itu. Macam mana salah pula, saya sentuh situ sini sahaja, saya ada baca, memang.

Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah Yang Amat Berhormat memang membazirkan wang, jikalau itu pun tidak boleh saya sebutkan, Rompin memang tidak mengetahui peraturan, itu boleh sebut, kerana membazirkan wang.

Kalau kita tunggu sampai belanjawan yang lepas diluluskan pada bulan ini juga, maka kita tidak payah membazirkan dan memboroskan wang rakyat dan tambah pula pihak kakitangan kerajaan pun bekerja dengan bersungguh-sungguh dan kemudian diberitahu ini sudah tidak boleh dipakai lagilah.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan point of order.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana point of order pula, tidak ada order sekarang.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Perkara yang disentuhkan oleh ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Point of order ya.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Ya, 68 juga, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang disentuhkan oleh Kepong ini termasuk dalam ketiga-tiga perkara ini dan saya juga ingin menarik di bawah point of order 43, "*Keputusan Pengerusi adalah muktamad.*" Jadi, pada pendapat saya bahawa oleh kerana ketiga-tiga perkara ini tidak boleh disentuh, sebenarnya tidak ada apa-apa yang boleh dibahaskan.

Jadi, saya berpendapat, ucapan Kepong pun bukan bernas sangat, Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita telah banyak masa hilang, jadi saya ingat kita teruskan ke agenda yang lain. Saya minta ruling, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya tidak buat keputusan lagi kata perkara ini tidak boleh dibahas, boleh tetapi tidak menyentuh kepada ketiga-tiga perkara itu. Jikalau sekiranya menyentuh bermakna kata saya akan terpaksa meminta dia berhenti berucaplah.

Yang Berhormat, saya berharaplah Yang Berhormat bekerjasama dengan kerana kita ada empat hari sahaja mesyuarat ini dan ada perkara-perkara yang lain yang kita akan bincangkan pula.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun akan bangkitkan perkara-perkara yang lain tidak seharusnya dibangkitkan kerana ini melanggar peraturan juga. Cuma rang undang-undang ini dan usul yang dibangkitkan oleh Menteri Kewangan tadi boleh kita bahas.

Tuan Yang di-Pertua, memang ikut peraturan kalau saya sebutkan di sini dengan Kementerian Pendidikan, B.26 spesifik. Kementerian Pendidikan ada lebih RM5.8 bilion, memang spesifik dan kalau ikut Belanjawan yang lepas diperuntukan RM14 bilion. Belanjawan 2000 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah RM14 bilion dan mengapa kita hanya kata di sini RM5.8 bilion sahaja. Ini hanya ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, [*Ketawa*] ini buat sementara sahaja Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini buat sementara sahaja. Buat sementara sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tahu, saya tahu.

**Seorang ahli:** Dia tidak faham.

**Dr. Tan Seng Giaw:** RM14 bilion, saya baca, saya baca. Memang untuk 3-4 bulan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Rompin.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Boleh?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Rompin boleh ambil bahagian kemudian, tidak payah hendak bising. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Okey, point of order.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Hendak tunjukkan.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tidak beri peluang kepada saya, saya beri point of order. So perkara ini, Yang Berhormat Kepong sepatutnya lebih tahu dia akan dikemukakan kembali dalam Dewan Rakyat ini tahun hadapan dan kita boleh bahaskan, yang Kepong ini hendak mengambil masa, buat apa?

Saya juga mengambil kesempatan ini, kalaulah peruntukan 68A ini dan juga ada kaitan dengan 68B, tidak begitu sesuai. Mungkin minta Dewan kaji tentang peruntukan ini, mungkin dibuat masa kita merdeka dahulu ini, mungkin kesesuaian sekarang ini boleh kita anggapkan tidak boleh dikaji kembali. Saya mohonlah, sebab susah sangat Kepong ini, dia hendak ambil peluang sahaja, untuk hendak menghabiskan masa sahaja. Mengapa tidak, Tuan Yang di-Pertua, kita ambil juga sebagai satu rumusan, kaji kembali kesesuaian 68A dan 68B ini supaya senang perjalanan mesyuarat Parlimen ini tidak diganggu oleh orang macam Kepong ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah Yang Berhormat, cukuplah Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong, cukuplah. Yang Berhormat akan diberi peluang berucap pada bulan Februari akan datang. Kita ada 8 campur 11 hari, 19 hari kesemuanya, jadi kalau sekiranya sekarang ini diucapkan apa yang hendak diucapkan pada bulan Februari kelak. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** 29 hari itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, 29 hari.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itupun kurangkan 10 hari.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pulak, saya silap *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** 29 hari, 11 hari untuk dasar dan 18 hari untuk Jawatankuasa. Jadi tidak boleh kita hendak kurangkan macam itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baiklah 28 hari, jadi cukuplah, saya akan kemukakan untuk diputuskan dengan kerana kita ada benda-benda lain lagi.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Cuma saya hendak terangkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, *[Disampuk]* .... baik-baik. Kalau ikut Perlembagaan 102, dengan izin:

*"102. Power to authorize expenditure on account or for unspecified purposes.*

*Parliament shall have power in respect of any financial year –*

- (a) before the passing of the Supply Bill, to authorise by law expenditure for part of the year;*
- (b) to authorise by law expenditure for the whole or part of the year otherwise than in*



*accordance with Articles 99 to 101, if owing to the magnitude or indefinite character of any service or to circumstances of unusual urgency it appears to Parliament to be desirable to do so."*

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa jangan kita dengan tergopoh-gapah hendak membincangkan, membahaskan rang undang-undang yang lain. Jadi kalau ikut Perlembagaan kita dan juga ikut peraturan, memang kita ada satu sahaja rang undang-undang di sini, yang lain itu tidak ikut peraturan. Patut kita jangan bangkitkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan pula di sini kerana ini memang perlu ikut peraturan yang biasa, mesyuarat yang biasa kerana mesyuarat hari ini bukan mesyuarat biasa, mesyuarat khas yang diadakan mengikut peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan khas serta khusus untuk membincangkan suatu perkara iaitu Perbelanjaan 2000, itu sahaja. Dan saya bangkit di sini, Rompin memang perlu kita meneliti Perlembagaan Persekutuan dan juga peraturan, jangan kita hendak bangkitkan perkara peraturan sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kepong, pada hari ini bukanlah mesyuarat khas, Yang Berhormat. Pada hari ini ialah mesyuarat yang pertama selepas daripada pilihan raya, bukan mesyuarat khas atau *emergency meeting*, tidak.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bukan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua, *[Disampuk]* saya tidak bersetuju kerana .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kepong, setelah adanya proclamation tadi, ini adalah mesyuarat yang pertama selepas daripada pilihan raya, mesyuarat yang dikehendaki di bawah Peraturan Parlimen yang kena diadakan dalam masa 120 hari itu, jadi bukanlah mesyuarat khas. Mesyuarat Khas hanya boleh diadakan di antara mesyuarat-mesyuarat Dewan Rakyat. *[Disampuk]* Yang Berhormat sudahlah, saya ingat biarlah benda ini, biarlah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis ini bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Kalaulah Yang Berhormat kata 'tidak' tetapi semua kata 'bersetuju', bulan depan siapa pun tidak dapat gajilah. *[Ketawa]*

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Majlis Mesyuarat** bersidang semula.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Menteri Kewangan [Tun Dato' Daim Zainuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### USUL

**Menteri Kewangan [Tun Dato' Daim Zainuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang telah diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan usul itu. Saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, menetapkan bahawa sejumlah wang yang tidak lebih daripada dua belas bilion tiga ratus tiga puluh lapan juta satu ratus lima puluh ribu ringgit (RM12,338,150,000) dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2000 untuk perbelanjaan segera bagi Maksud-Maksud yang dinyatakan dalam penyata sementara yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 35 Tahun 1999, dan bahawa jumlah wang yang tersebut dalam ruang tiga dan empat penyata itu bersetentangan dengan maksud-maksud yang dinyatakan dalam ruang satu penyata itu adalah diuntukkan bagi perbelanjaan itu sementara menunggu Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 2000 diluluskan.

hendaklah disahkan dan diluluskan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu tadi hendaklah dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, menetapkan bahawa sejumlah wang yang tidak lebih daripada dua belas bilion tiga ratus tiga puluh lapan juta satu ratus lima puluh ribu ringgit (RM12,338,150,000) dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2000 untuk perbelanjaan segera bagi Maksud-Maksud yang dinyatakan dalam penyata sementara yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 35 Tahun 1999, dan bahawa jumlah wang yang tersebut dalam ruang tiga dan empat penyata itu bersetentangan dengan maksud-maksud yang dinyatakan dalam ruang satu penyata itu adalah diuntukkan bagi perbelanjaan itu sementara menunggu Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 2000 diluluskan.

#### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1999) (NO.2) 1999

##### Bacaan Kali Yang Kedua

3.25 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang

Yang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan bagi perkhidmatan tahun 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu di baca kali kedua sekarang....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Peraturan 66(2).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kepong, bolehkah beri Yang Berhormat Timbalan Menteri baca habis dahulu ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Habis baca, okey. *[Disampuk]*

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi peruntukan berjumlah RM600,812,500 (Ringgit Malaysia enam ratus juta lapan ratus dua belas ribu lima ratus) dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1999 seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1999 adalah berjumlah RM600,812,500. Jumlah tersebut diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini. Peruntukan tambahan yang diminta diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang tersebut adalah seperti berikut:

Tambahan sebanyak RM195.8 juta di bawah Maksud B.8, Perkhidmatan-Perkhidmatan Awam untuk membiayai bayaran istimewa penerima pencen sektor awam sebanyak RM600 seorang sebagai tanda prihatin kerajaan kepada masalah kewangan yang dihadapi oleh pesara-pesara. Bayaran istimewa ini dibayar sebanyak RM100 sebulan dalam tempoh 6 bulan mulai bulan Julai hingga Disember 1999.

Tambahan sebanyak RM151 juta di bawah Maksud B.29, Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk perbelanjaan berikut:

Sebanyak RM25 juta untuk membiayai sebahagian daripada kos faedah penebusan dana fasa 1, Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB) yang menggantikan modal berbayar yang telah didahulukan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, SPNB adalah dimiliki seratus peratus oleh Menteri Kewangan diPerbadankan dan diberi tanggungjawab untuk mengurus Dana Pembangunan Prasarana (IDF) bagi meneruskan pembangunan beberapa projek prasarana penting. Sebanyak RM126 juta untuk membiayai subsidi bahan-bahan petrolium khususnya gas cecair LPG.

Tambahan sebanyak RM120 juta di bawah Maksud B.22, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk membiayai promosi pelancongan bagi kempen pengiklanan di peringkat antarabangsa oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM). Promosi yang agresif ini diperlukan memandangkan kepada persaingan yang sengit dari negara-negara membangun di rantau Asia seperti Vietnam, Cambodia, China dan India bagi mendapatkan market share dalam industri pelancongan dan pada masa yang sama negara Thailand, Hong Kong dan Singapura juga telah melancarkan promosi secara besar-besaran bagi menarik pelancong luar negeri.

Di samping itu, aktiviti promosi dalam negeri juga akan dipertingkatkan untuk menyedarkan rakyat bagi menikmati keindahan dan keunikan negara sendiri. Dengan demikian, industri pelancongan domestik dapat dipertingkatkan dan di samping membanteras aliran keluar mata wang kita.

Tambahan sebanyak RM50.3 juta di bawah Maksud B.18, Kementerian Perusahaan Utama bagi menampung defisit skim penstabilan harga minyak masak di pasaran tempatan yang dilaksanakan dari 16 Disember 1997 hingga 31 Mei 1999. Skim ini telah dilaksanakan ekoran daripada keputusan kerajaan untuk membendung kenaikan minyak masak di pasaran tempatan akibat daripada harga eksport minyak sawit yang melambung tinggi.

Tambahan sebanyak RM18 juta di bawah Maksud B.52, Kementerian Kerja Raya sebagai bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi menangani

krisis bekalan air pada tahun 1998 yang lalu iaitu dari bulan Mac hingga September 1998.

Tambahan sebanyak RM11 juta di bawah Maksud B.20, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk mempergiatkan lagi program promosi perdagangan dan pelaburan MITI, MIDA dan MATRADE bagi menggalakkan lebih ramai pelabur melabur di negara ini dan meningkatkan eksport barangan tempatan ke luar negeri terutama bagi destinasi pasaran baru. Peruntukan tambahan diperlukan ini adalah bagi menampung perbelanjaan tambahan rombongan galakan perdagangan dan pelaburan, misi susulan, trade fair, simposium pelaburan, seminar luar negeri dan tempatan, memperbanyakkan pusat pameran dan lain-lain lagi.

Tambahan sebanyak RM9 juta di bawah Maksud B.19, Kementerian Pertanian untuk membiayai bayaran balik kepada kerajaan-kerajaan negeri iaitu Perak, Negeri Sembilan, Selangor dan Pulau Pinang bagi kerja-kerja pemusnahan babi di negeri-negeri tersebut dan operasi mencegah wabak Japanese encephalitis atau JE.

Tambahan sebanyak RM8.5 juta di bawah Maksud B.31, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk bayaran kenaikan kadar sewa ruang pejabat, bayaran utility, pembelian peralatan dan pembaikan selenggara bot dan bahtera.

Tambahan sebanyak RM3.7 juta di bawah Maksud B.51, Kementerian Luar Negeri untuk membiayai lawatan ketua-ketua perwakilan Malaysia ke negara-negara yang ditauliahkan serentak di bawah sesuatu kedutaan Malaysia di luar negeri dan kos bagi kerja-kerja dan persiapan awal pembukaan kedutaan besar Malaysia di Khartum, Sudan dan di Sana'a, Republik Yamen.

Dan tambahan sebanyak RM3.5 juta di bawah Maksud B.4 Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menampung perbelanjaan awal bagi persiapan menjalankan Pilihan Raya Umum Negara Yang Ke-10. Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga 1999 adalah seperti di dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 tahun 1999 dan dalam memorandum perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17A tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1999 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, sila.

**3.25 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan 66(2), sebaik sahaja setelah usul hendak dibacakan Rang Undang-undang Perbekalan itu kali yang kedua dicadangkan dan disokong dan sebelum perbahasan atasnya ditangguhkan selama tidak kurang daripada 2 hari. Satu usul bagi dirujukkan pada Jawatankuasa sebuah-buah majlis ketetapan mengenai anggaran pembangunan bagi tahun berkenaan menurut seksyen kecil (3) seksyen 4, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 bolehlah dikemukakan tanpa pemberitahuan.

Tuan Yang di-Pertua, baru sahaja dibentangkan dan kemudian tidak sampai 2 hari kita sudah membahaskan perbekalan tambahan, saya tahu saya pernah bahaskan Rang Undang-undang ini pada 2 bulan yang lepas tetapi bagi ahli-ahli yang baru di sini, mereka tidak dapat tahu. Beruas pun tidak tahu, saya tahu [Sorak][Ketawa] .....tidur. Tadi tidak begitu segar, mengantuk [Ketawa] sekarang hendak kacau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bising sangat. *[Ketawa]* Tidak sampai dua hari.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham Yang Berhormat tetapi usul kita tadi berbunyi:

“Bahawa menurut perkara 62(1) Perlembagaan Persekutuan, walau apa pun yang terkandung dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat....”,

jadi Dewan ini bersetuju hendak membahaskan dalam mesyuarat ini juga. Bukan salah saya, semua yang bersetuju. *[Ketawa]* *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita tidak setuju dengan bantahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, bantah ni.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dengan bantahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kepong..... *[Disampuk]*

**Seorang Ahli:** Kepong merapu.

**Tuan Yang di-Pertua:** ....majoriti bersetuju, yang bukan majoriti pun kenalah ikut juga. *[Disampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang majoriti pun mesti menghormati *minority* juga. *[Disampuk]* Tidak kena. Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita boleh bahas dasar. *[Ketawa]* Boleh bahas dasar dah.

**Seorang Ahli:** Merapu Kepong. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Chenderoh tadi. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, ini .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Rompin bangun. Yang Berhormat bangun atas apa.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak payah. Saya belum lagi.

**Dato' Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak tanya Kepong adakah Kepong sudah mengambil alih sebagai Ketua Pembangkang? PAS ambil arahan DAPkah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Soalan itu tidak timbul Ketua Pembangkang di sini.

**Dato' Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini macam mimpi, ini bukan Kepong yang Ketua Pembangkang. *[Disampuk]* Berilah peluang Ketua Pembangkang bercakap. Ini bila Tanjong tidak ada hendak ambil alihkah? Berilah Ketua Pembangkang cakap dahulu. Ini PAS macam mana. DAP bangun juga.... Kata Ketua Pembangkang daripada PAS tetapi DAP yang terajuinya.

**Tuan Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Bagi kami tidak ada masalah untuk....*[Disampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat. Biarlah!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, itulah caranya.

**Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:** Apakah ada satu Peruntukan khusus yang mana lain daripada Ketua Pembangkang tidak boleh bercakap. Dengan izin, in reply to Ahli Parlimen Rompin. Apakah ada Peruntukan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silalah. Yang Berhormat sudahlah. Kepong sila sambung.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat di belakang itu, Yang Berhormat bangun untuk apa.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, Kepong yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepong yang berucap tadi. *[Disampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, orang baru kasihan, kita beri peluang sedikit. Macam mana Beruas dan Rompin, orang baru masuk Dewan tidak boleh tahan hendak usik. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Rompin bangun di atas apakah Yang Berhormat. Kita ada empat hari sahaja. Yang Berhormat mintalah kerjasama, kita ada empat hari sahaja lagi

**Datuk Haji Fadzil bin Mohd. Noor:** Saya fikir Ahli dari Rompin itu oleh kerana dia tidak dapat jawatan dalam kerajaan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan jika masih ada kekosongan dapatlah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menimbangkan. *[Tepuk]*.

**Seorang Ahli:** Bodek tidak cukup.

**Dato' Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ketua Pembangkang saya sudah tahu, saya ingat kalau Ketua Pembangkang bangun dengan satu hujah yang baik tentang ini.

**Seorang Ahli:** Bodek tidak cukup.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kepong ingat dia boleh ketuai DAPkah, isteri Kepong Ketua Wanita pun telah letak jawatan kerana tidak diberi bertanding, tidak usah buat kerjalah kalau tidak diiktiraf oleh parti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudahlah. Saya haraplah..... sila teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rompin anggap kita masih berpilihan raya. *[Ketawa]* Di dalam pilihan raya janji bukan main, tidak ada yang tidak betul pun, yang salah guna kuasa dan sebagainya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kepong, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Pembohongan yang amat sangat pun berlaku, 'mengkarut' pun ada. Jadi itulah semasa pilihan raya dan janji bukan main banyak janji. Tuan Yang di-Pertua,

*Manis sungguh tebu seberang,*

*Dari akar sampai ke pucuk,*

*Manis sungguh mulut orang,*

*Terkena tipu di dalam pujuk.*

Dalam pilihanraya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kepong apa kena-mengena dengan rang undang-undang itu?.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang ada kena-mengena, ini kita sebutkan kerana kita tidak mahu....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Kepong kata kena tipu dalam pilihan raya, adakah dia kena tipu oleh PAS.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa sudahlah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita bukan ditipu oleh PAS, ditipu oleh Barisan Nasional yang kurang rasional waktu itu. *[Tepuk]* Ditipu sehingga Tanjong pun kalah. Cakap bohong dan tipu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan sambung.

*Pergi ke hulu mencari rebung,*

*Gulai bersama ikan tenggiri,*

*Kalau selalu bercakap bohong,*

*Lama-lama jadi pencuri. [Menyampuk]*

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Point of Order.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Pantun pun ada Point of Order pula.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, 36 (1). Kita hendak jimat masa, Kepong buang masa, "*Seorang ahli hendaklah mengehadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu*".

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya telah berikan amaran tadi. Sila teruskan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tadi mungkin tidak faham mengenai perbincangan ke atas dasar dan rakan-rakan dia pun mengganggu dan dia tidak kisah sangat.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya sebutkan di sini ialah mengenai masalah penggabungan bank di negara ini. Walaupun Yang Amat Berhormat sudah.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat penggabungan bank itu perkara yang akan datang, perkara ini perbelanjaan yang telah.... *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tambahan saya tahu....Tuan Yang di-Pertua, ada Maksud 29 Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Perbendaharaan pun ada sentuh di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tahulah, tetapi dia bersangkut dengan bank, Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak ikut peraturan langsung Beruas. Yang Amat Berhormat, sepatutnya kita disiplinkannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kepong, saya bukan hendak minta Yang Berhormat Kepong berhenti berucap.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan mengenai penggabungan bank itu ialah untuk memberi cadangan kepada Yang Amat Berhormat supaya lain kali kalau kita hendak gabungkan sesuatu syarikat-syarikat maka kita perlulah sentiasa berhati-hati janganlah dengan begitu cepat hendak menggabungkan tanpa mengira apakah implikasi dan consequence. Walaupun saya setuju memang WTO sudah membuat keputusan untuk menjadikan pasaran terbuka kita mesti mengemaskinikan, kita mesti menambahkan keupayaan kita dari segi kewangan, dari segi bank-bank tetapi kita mesti mengambil pusing mengenai keadaan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai apa yang disebutkan kempen pengiklanan di peringkat antarabangsa oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada nampak semasa ada Formula 1, perlumbaan kereta Formula 1 ada sedikit iklan sedikit sahaja, bagi pelancongan Malaysia itu sedikit sahaja. Saya diberitahu bahawa pihak setiap negeri diminta memberi sumbangan lebih daripada RM200 juta untuk iklan, untuk perbelanjaan perlumbaan Formula 1 ini.

Saya pun tidak tahu macam mana mereka dapat promosi pelancongan dengan setiap negeri disuruh membayar RM200,000 bagi perlumbaan di Sepang dan saya berpendapat bahawa saya setuju kita boleh adakan perlumbaan ini boleh membawa

nama Malaysia yang baik juga tetapi kita serahkan kepada pihak swasta. Kalau mereka berupaya untuk mengendalikan, menganjurkan perlumbaan Formula 1 itu baik tetapi jangan kita melibatkan wang-wang negeri dan wang-wang negara kerajaan Persekutuan. Saya menasihatkan jangan kita buat.

Saya lebih suka kalau kita bagi kepada pihak swasta, kalau dia mampu buat seperti Sukan Komanwel pun kita ada swastakan sebahagian besar walaupun setakat ini Sukan Komanwel itu saya tidak nampak ada pengumuman mengenai akaun, mengenai perbelanjaan, itu satu sikap yang tidak betul. Bila kita adakan Sukan Komanwel ataupun apa saja acaranya yang besar-besaran itu kita mesti mengemukakan satu akaun mengenai perbelanjaannya tetapi setakat ini tidak ada. Begitu juga Tuan Yang di-Pertua pihak Petronas memang melabur di dalam circuit kita di Sepang. Saya pun tidak tahu jumlah yang dibelanjakan mungkin lebih RM300 juta oleh pihak Petronas. Kemudian apabila kita adakan perlembagaan kita minta setiap negeri bagi sumbangan. Bagi saya, ini cara yang tidak betul dan saya berharap pihak kerajaan dapat mengambil perhatian mengenai wang yang dibelanjakan oleh setiap usaha termasuk Formula 1. Jangan kita membazirkan wang rakyat itu.

Tuan Yang di-Pertua, memang di sini ada disebutkan mengenai Jabatan Perusahaan Utama. Memang dia.....[Disampuk] saya pun seronok kerana harga minyak kelapa sawit meningkat lebih RM2,000 pada satu ketika dan kemudian pihak Kementerian Perusahaan Utama kerana tamak sangat sehingga apabila harga minyak kelapa sawit meningkat lebih daripada RM2,000 satu kilo. [Disampuk] ..satu tan. Kesilapan sedikit pun tidak boleh tahan seolah-olah Rompin itu insan yang kamil [Ketawa]. Jadi apabila harga kelapa sawit meningkat dan Yang Berhormat Beruas tamak, dia masuk ke dewan ini adakan satu rang undang-undang hendak kutip lavi. Kalau lebih RM2000 satu tan, [Disampuk] sekarang sudah kurang daripada RM2,000 dan rang undang-undang sudah tidak dapat dipakai kerana tamak sangat, tak patut tetapi ada skim menampung defisit skim penstabilan harga minyak masak di pasaran tempatan dan dilaksanakan dari 16 Disember 1997, bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini setakat inilah sejak Disember 1997, jumlah yang dibelanjakan untuk defisit skim penstabilan harga minyak masak di pasaran tempatan ini dan saya berasa bahawa kalau kita hendak stabilkan harga minyak memang kita mesti menentukan semua minyak ini dibeli oleh rakyat Malaysia sahaja tetapi daripada Singapura, Thailand, jiran-jiran kita itu, tidak patutlah mereka menikmati apa yang kita buat untuk skim penstabilan harga ini dan setakat ini walaupun pihak Yang Berhormat Beruas sibuk mengantuk dan sebagainya [Ketawa] tidak mengambil perhatian mengenai minyak yang dibeli oleh pihak jiran kita secara tidak sah.

Minyak masak yang diberi subsidi itu kita tidak patut membenarkan orang-orang asing untuk membeli barang-barang seumpama ini kerana itu wang rakyat belaka dan kita mesti memastikan hanya rakyat Malaysia dapat menikmati satu penstabilan harga minyak ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, program Promosi Perdagangan dan Pelaburan, MITI, MIDA dan MALTRADE bagi menggalakkan lebih ramai pelabur melabur di negara ini dan saya diberitahu bahawa Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri sudah buat satu keputusan bahawa industri-industri labor intensive tidak lagi diterima di Malaysia, memang kita setuju bahawa kita ada kekurangan buruh di negara ini sehingga pihak kerajaan Barisan Nasional tidak dapat menyekat pekerja-pekerja asing, pekerja tanpa izin yang masuk ke negara ini dan dengan keadaan yang demikian adalah wajar bagi kita untuk menekankan kepada keperluan bagi pelaburan ke atas industri yang tidak bergantung kepada buruh sahaja. Setakat ini bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita berapa pelaburan yang didapati untuk capital intensive industry setakat ini dengan dasar yang baru dan bilakah labor intensive ini akan diberhentikan di negara ini dan Tuan Yang di-Pertua, saya suka sentuh hal mengenai masalah pekerja asing di sini sebab saya nampak mereka dibenarkan untuk membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.....



**Tuan Yang di-Pertua:** Itu di bawah mana Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Mengenai inilah kerana kita tidak mahu *labour intensive* dan setakat ini kita memang ada berjuta pekerja asing yang dibenarkan untuk membuat sumbangan kepada KWSP.

Saya kurang faham apa cara yang digunakan untuk mereka memberi sumbangan kepada KWSP. Ini memang akan menimbulkan implikasi dan konsekuensinya, apakah cara untuk memelihara rakyat di Malaysia dan maklumlah Tuan Yang di-Pertua, KWSP memang mempunyai punca-punca kewangan yang banyak sehingga RM160 bilion jumlahnya dan kalau kita tambahkan sumbangan daripada pekerja asing, memang akan tambah lebih pesat lagi.

Bolehkah Yang Berhormat terangkan, apakah kaedah yang dibuat untuk membolehkan pekerja-pekerja asing memberi sumbangan kepada KWSPnya. Saya sebutkan hal ini kerana saya takut seperti yang berlaku dengan Central Provident Fund (CPF) di Singapura kerana rakyat Malaysia bekerja di situ, ada membuat sumbangan kepada CPF. Kemudian wujudnya masalah, mereka tidak dapat mengeluarkan wang ini dengan mudah, susah payah, sehingga hari ini pun ada kesusahan untuk mengeluarkan wang daripada CPF. Apakah akan terjadi dengan pekerja asing ini, apabila kebanyakan mereka hendak pulang ke Indonesia. Macam manakah pihak kerajaan akan mengendalikan hal seumpama ini?

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak menyebutkan sedikit sebanyak mengenai perbelanjaan yang digunakan untuk membiayai lawatan ketua-ketua perwakilan ke negara-negara yang ditauliahkan serentak di bawah sesuatu kedutaan Malaysia di luar negeri.

Di bawah ini Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun buat banyak lawatan ke negara-negara ini. Cuma saya hendak menanya, masalah krisis ekonomi negara ini adalah disebabkan salah satu faktor, bukan semua, *architecture* ekonomi, kewangan dunia yang tidak begitu sempurna. Itu saya setuju dengan Yang Amat Berhormat, itu saya setuju tetapi bukan 100% kerana memang wujud kelemahan di dalam *architecture* kewangan Malaysia sendiri termasuk rasuah dan penyelewangan yang lain, struktur tidak begitu kukuh dan sambil kita mengukuhkan *architecture*, memperbaiki *architecture* kewangan Malaysia, kita berharap *architecture* kewangan dunia dapat diperbaiki. Setakat ini Yang Amat Berhormat pun menjelajah ke seluruh dunia, apakah kejayaannya untuk mengubah sikap negara-negara maju yang enggan menukar coraknya? Di sini saya ada sependapat sedikit dengan Yang Amat Berhormat mengenai sikap negara-negara maju yang tidak sanggup menerima cadangan untuk memperbaiki keadaan kerana kalau kita ikut cara yang lama memang pihak negara-negara maju boleh mendominasi negara-negara yang kurang maju seperti Malaysia dengan cara yang begitu senang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Yang Amat Berhormat memepertingkatkan usaha di dalam bidang antarabangsa termasuk Bangsa-bangsa Bersatu untuk menggalak, menyeru, menasihati dan mendesak supaya pihak negara-negara maju dapat terima cadangan negara kita untuk memperbaiki keadaan mengenai *architecture* kewangan dunia.

Saya diberitahu bahawa Tuan Yang di-Pertua, Presiden Amerika Syarikat, Clinton pun nampak ada terima sedikit mengenai cadangan untuk memperbaiki *architecture* kewangan dunia, kalau itulah yang kita dapat mungkin satu tapak permulaan untuk kita menjayakan usaha kita memperbaiki sistem kewangan dunia ini, tetapi saya hendak menekankan sekali lagi, bukan sahaja kita menumpukan perhatian kepada masalah di luar Malaysia bahkan di dalam Malaysia ada banyak kelemahan juga, walaupun masa pilihan raya itu semuanya elok, ada hendak pancing undi, umpan-umpan pun banyak tetapi masih wujud kelemahan, kelemahan seperti pengurusan yang tidak begitu cekap.

Saya pernah bangkitkan masalah pihak pemimpin-pemimpin Barisan Nasional termasuk UMNO, MCA, MIC dan Gerakan yang mencero bohi tanah-tanah lapang. Itu cara yang tidak betul...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, itu tidak bersangkutan dengan perbelanjaan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu saya sebutkan sebagai salah satu kelemahan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat masa dahulu pun telah berucap panjang lebar dalam masa kita membincangkan perbelanjaan ini dulu, ya. Cukuplah Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia kata *freely buster* itu bertentang dengan Tuan Yang di-Pertua. Jangan kita cakap, bisik-bisik dan sembang-sembang di situ, menumpukan perhatian kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah Yang Berhormat, sudahlah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan menggulung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Gulung jangan panjang sangat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak panjang. Saya tidak suka dengan percakapan yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, selepas pilihan raya yang ke 10 ini memang ada banyak berlaku yang tidak betul dan ada banyak janji yang dibuat dan Yang Amat Berhormat ada janji hendak memulihkan ekonomi negara ini dengan cepat lagi. Saya berharap beliau dapat menunaikan janji ini supaya rakyat Malaysia sama ada penyokong pembangkang atau penyokong Barisan Nasional dapat menikmati ekonomi yang pulih. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Batang Lupar.

3.52 ptg.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pagi-pagi ini diam sahaja Tuan Yang di-Pertua. Jadi, bila saya keluar tadi, orang tanya saya, kenapa Batang Lupar diam-diam pagi ini.

Jadi, saya sudah puas dengar pagi tadi orang berbincang persoalan...

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Diamlah, dengar orang cakap dahulu. Kalau bodoh tunjuk bodoh, jangan cakap, buka mulut tunjuk bodoh, lebih bodoh lagi. Jadi, inilah cerita pagi ini Tuan Yang di-Pertua, banyak tunjuk buku peraturan macam-macam lagi, *objection* sana sini, tapi amat jelas mereka itu semua tidak meneliti keseluruhannya undang-undang dan Perlembagaan kita.

Jadi, banyak masa telah dibuang dan bising, berbagai-bagai lagi, yang tua berjanggut dan bermisai masuk ke sini pun sudah tunjuk macam budak. Jadi, saya rasa sedih melihat perangai orang yang baru masuk pun hendak tunjuk lagak jadi hero. Jadi, kita hero lama ini pun duduk diam-diam, tengok kebodohan yang muda-muda.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercakap panjang lebar macam Kepong, Kepong memang biasa macam itu, dia ingat ada TV kamera, ambil gambar, dia hendak berlakun di depan, tunjuk dengan kawan-kawan baru, jadi hero dengan kawan-kawan baru. Jadi, *convention* kita hari ini pun sudah bertukar, biasanya Ketua Pembangkang yang cakap dahulu, ini *convention* Parlimen, yang kita telah lihat 10 tahun, kita lihat di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sila masuk kepada tajuk, ya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Jadi, *convention* pun bertukar. Jadi, Yang Berhormat bagi Kepong ingin mengambil alih jadi Ketua Pembangkang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila masuk.....

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih. Jadi, saya ada sedikit sahaja perkara yang hendak sebut. Soal pilihan raya dalam ini kita ada sumber tambahan RM3.5 juta. Saya menyokonglah permohonan yang telah dipakaikan, tetapi satu perkara yang saya hendak sentuhkan, kalau kementerian selepas pilihan raya telah kita adakan ini, melihat kesan yang berlaku di negari Sarawak sama ada pengundian berkurangan ataupun tidak, oleh kerana biasanya Sarawak mengadakan dua hari pengundian, tetapi pada tahun ini kita adakan sekali, satu hari sahaja.

Jadi, umpamanya di kawasan saya tempat penamaan calon dan tempat pengundian umpamanya dan tempat penghitungan undi di satu tempat umpamanya di adakan *polling* itu masa lebih panjang sedikit daripada tempat-tempat yang jauh, daripada tempat-tempat penghitungan undi. Jadi, jam penutupan pengundian itu adalah dipendekan sedikit.

Jadi, saya nampak daripada kawasan saya sendiri kurang orang pergi mengundi – peratusan orang pergi mengundi. Saya ingin memohon kepada pihak kementerian untuk menyelidik sama ada kesan ini berlaku di Sarawak oleh kerana masa yang dipendekkan untuk mengundi itu berlaku dan kesan penurunan orang pergi mengundi.

Apakah tindakan kementerian pada masa akan datang supaya menasihatkan Suruhanjaya menyelidik macam mana untuk mengatasi masalah ini ataupun memberi peruntukan yang lebih sedikit kepada Suruhanjaya untuk mengadakan helikopter yang lebih banyak lagi kerana kawasan di Sarawak itu memang besar. Kawasan saya mungkin sebesar Melaka ataupun sebesar Perlis. Kalau itu kita tidak selidik, jadi penurunan undi ini akan sentiasa berlaku terutama sekali kalau dalam cuaca yang tidak baik, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, itu sahaja yang hendak saya cakapkan mengenai persoalan pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya hendak sentuhkan perkara pendek iaitu, RM150 juta telah digunakan untuk pelancongan, untuk mengiklankan negara kita ini, memang saya setuju. Saya telah beberapa tahun menyebut di Dewan ini, meminta supaya lebih peruntukan untuk kita mengiklankan negara kita di luar negara terutama sekali selepas negara ini terjejas oleh Cocksackie yang disebarkan di sana-sini. Selepas itu jerebu keluar - kesan sampai sekarang pun orang ingat Malaysia ini masih dilanda jerebu. Begitu juga JE sudah keluar lagi.

Jadi, kita tidak tahu bila lagi benda lain akan keluar dan bagaimana tumpuan dipandang oleh pihak luar negara ataupun media luar negara yang memang sentiasa mencari pasal dengan Malaysia - inikan lagi ada tindakan pembangkang juga Tuan Yang di-Pertua, tindakan pembangkang ke luar negara sekarang, bersumpah menjaga Perlembagaan dan jaga negara ini tetapi ada kelainan nanti. Kita lihat bila ke luar negara akan beritahu cerita yang buruk tentang negara ini. Iklan yang buruk ini juga disebut-sebutkan. Jadi, pihak kerajaan mesti menunjukkan iklan-iklan yang lebih baik. RM150 juta ini bukan sahaja saya setuju, saya minta lebih daripada ini pun saya mahu.

Jadi, saya tahu ada ramai pembangkang ke luar negara – sebut sana-sini semua perkara tidak baik negara ini. Tetapi kesannya Tuan Yang di-Pertua, bukan kepada *politician*, ahli-ahli politik, pemimpin-pemimpin politik tetapi kesannya kepada negara ini sendiri, kepada orang Malaysia ini sendiri, kitalah yang akan menerima akibatnya nanti.

Tuan Yang di-Pertua, jadi perkara ini, saya bersetuju RM150 juta ditambah lagi. Tetapi persoalannya saya hendak tanya bagaimanakah RM150 juta ini telah dibelanjakan, siapakah buat, adakah keberkesannya? Syarikat yang dilantik, apa syarikatnya, sama ada syarikat yang buat kerja betul atau pun tidak? Persoalan ini saya harap pihak kementerian dapat memberi penjelasan mengenai RM150 juta daripada wang negara dibelanjakan kita kena tahu dan bagaimanakah kesannya sama ada jerebu sudah tidak ada lagikah pada pandangan masyarakat di luar negara, sama ada

Coxsackie sudah tidak ada lagikah menyerang negara ini atau pun JE ini sudah tidak ada lagi?

Ini kita lihat daripada segi faktor - dahulu ini kesannya - perkara yang negatif. Selepas pengiklanan ini sama ada sudah *distabilised* atau pun *dineutralised*? Kalau tidak maknanya wang RM150 juta itu telah tidak berkesan. Saya berharap pihak kementerian mengambil langkah-langkah yang tertentu supaya pihak yang telah dilantik untuk membuat pengiklanan telah membuat pekerjaan dengan betul.

Tuan Yang di-Pertua, jadi daripada segi pelancongan, saya selalu bercakap kalau kita iklankan bagaimana cantik sekalipun Malaysia ini - kalau soalan perhubungannya tidak begitu baik - terutama sekali saya daripada Sarawak - bukan hendak bercakap bagi pihak orang Sabah tetapi oleh kerana Sarawak dan Sabah itu terletak lebih 1000 kilometer daripada tempat pendaratan yang pertama di Kuala Lumpur ini. Jadi, kita mendapati satu masalah - masalah pengangkutan.

Saya pernah menyebut bahkan saya pernah menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri mencadangkan beberapa perkara untuk diambil supaya pelancongan di Sarawak itu tidak tinggal begitu sahaja. Kita sediakan infrastruktur, kita sediakan benda-benda yang indah-indah, yang baik-baik. Kita tunjukkan benda-benda yang besar di Sarawak, kita promosikan Sarawak dan Sabah itu, kalau pengangkutannya tidak diselesaikan - masalah pengangkutan umpamanya, penerbangan MAS - tidak diselesaikan masalah itu maknanya infrastruktur pelancongan di Sarawak dan Sabah akan mendapati mereka sendiri tertekan. Tetapi apabila masalah ini diadakan nanti, pengusaha ini sudah hampir bankrup, jadi siapa hendak menolong mereka, kita tidak boleh melihat begitu sahaja.

Dengan itu saya sekali lagi memohon kepada pihak-pihak yang tertentu supaya bukan sahaja penerbangan MAS ini diturunkan harganya tetapi juga pihak kerajaan mesti melihat terutama sekali saya tidak mahu sebut apa yang telah saya sampaikan kepada Menteri Kewangan - melihat surat saya itu supaya menilai surat saya itu sama ada ada perkara yang boleh dipakai ataupun tidak boleh dipakai. Saya bincang dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri - sekarang sudah jadi Timbalan Menteri, dahulu Setiausaha Parlimen.

Jadi, saya berharap faktor yang saya tulis dalam surat itu boleh dikajiselidik dan dinilai sama ada boleh diterima ataupun tidak supaya infrastruktur pelancongan yang kita sediakan di Sarawak dan Sabah boleh mendapat pulangan yang baik. Mungkin kita kurang di sini, rugi di sini tetapi pelancongan di Sarawak mendapat keuntungan, insya-Allah orang Sarawak akan menyokong usaha-usaha kementerian dan berdoa siang dan malam, lima kali sehari kita sembahyang dan berdoa.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah macam Yang Berhormat bagi Kepong. Kalau dia bercakap tidak tentu hala - ingat semua ambil gambar dia seorang sahaja tetapi habis nanti tidak ada keluar dalam surat khabar pun.

Satu lagi saya hendak sebutkan iaitu soal peruntukan yang diberi untuk menampung pencen sektor awam dalam Maksud B.8 ini - penerimaan pencen sektor awam. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah penyelidikan dibuat terutama sekali kepada pihak-pihak askar ataupun polis yang pernah berpencen tetapi sekarang menerima pencen mereka yang di bawah tahap kemiskinan. Jadi, kalau tidak ada penyelidikan dibuat. Jikalau tidak, saya memohon kepada pihak kementerian supaya membuat satu penyelidikan sama ada pegawai awam yang telah berpencen di mana pencen mereka di bawah tahap kemiskinan mengikut landasan negara.

Jadi, kalau perkara ini terjadi saya berharap pihak kementerian memikirkan supaya mereka ini sepatutnya diberi tambahan dan imbuhan yang berpatutan agar pegawai kerajaan yang telah lama berkhidmat dengan kerajaan, telah lama memberi perkhidmatan begitu cemerlang dan begitu baik sekali apabila habis dan berhenti daripada kerajaan dan pencen daripada kerajaan, mereka ini mendapati diri mereka sebagai orang PPRT. Tetapi peruntukan PPRT tidak beri kepada mereka, Kementerian Pembangunan Luar Bandar mungkin tidak beri kepada mereka. Jadi,

saya berharap satu penyelidikan dibuat – jangan pegawai, kerani kita atau pegawai kanan kita, dahulu duduk sebagai tuan, sekarang duduk menjadi papa kedana di kampung.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Jabatan Polis ramai yang dahulu menerima gaji yang kecil – pencen, tetapi sekarang masih hidup juga - dipanjangkan Allah umurnya, masih hidup tetapi malang sekali pencen mereka di bawah paras kemiskinan. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian supaya membuat penyelidikan agar tidak terdapat mereka yang menerima pencen yang begitu kecil dan menerima hanya di bawah tahap kemiskinan. Yang mana semua benda hendak dibeli sekarang – elektrik untuk api gas untuk memasak, sewa rumah, tanah dan cukai pintu, benda ini kena bayar. Jadi kena bayar itu maknanya cara kehidupan orang ini perlulah ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, supaya tidak membuang masa dan tidak pergi ke mana-mana macam Yang Berhormat bagi Kepong, biarlah saya duduk dan memberi peluang kepada rakan-rakan yang lain, mungkin daripada Barisan Nasional yang bercakap macam saya, lebih banyak lagi perkara yang penting boleh diketengahkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tambun.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin menyatakan bahawa krisis ekonomi dan politik yang bermula pada tahun 1997 telah menjatuhkan Kerajaan Korea Selatan, Thailand dan Indonesia. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menerajui Barisan Nasional dengan mencapai kemenangan 2/3 dalam pilihan raya lalu. Saya menyokong Rang Undang-undang Akta Pembekalan 1999 dan saya ingin menyentuh mengenai dengan jumlah sebanyak RM11 juta kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Saya menyokong peruntukan tersebut bagi tujuan untuk mempromosi perdagangan, menggalakkan lebih ramai pelabur melabur di negara ini dan meningkatkan eksport barangan tempatan ke luar negara. Persetujuan saya adalah atas asas bahawa bila kita kaji tentang kejatuhan ekonomi negara kita dan proses pemulihan, apa yang berlaku sekarang ini adalah pertumbuhan ekonomi adalah berasaskan kepada usaha-usaha kerajaan iaitu government driven growth dan berasaskan kepada ini ia tidak mempunyai sustainability dalam jangka waktu yang panjang. Dengan demikian tentu sekali kita perlukan sektor swasta untuk memainkan peranan bagi pertumbuhan ekonomi negara kita. Saya ingin menyentuh perkara ini daripada sudut bahawa lagi sepuluh hari kita akan memasuki abad ke 21. Kita sedar bahawa di bawah proses globalisasi struktur ekonomi dunia telah berubah.

Kita tahu bahawa pertumbuhan ekonomi sebuah negara bergantung kepada sejauh mana negara tersebut dapat menguasai pasaran ekonomi dunia. Begitu juga ia bergantung kepada sejauh mana revolusi teknologi yang berlaku dapat dikuasai oleh negara-negara tersebut. Di samping itu, kita dapati bahawa pertumbuhan penstrukturan semula ekonomi negara-negara maju termasuk Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun memberi kesan kepada negara-negara membangun. Dengan perubahan struktur ekonomi tersebut sekiranya negara-negara membangun termasuk negara kita tidak meningkatkan daya saing dan berjaya dalam sektor-sektor yang saya nyatakan tadi maka negara-negara membangun akan terpinggir.

Oleh yang demikian saya ingin memberi beberapa pandangan saya mengenai perkara itu. Pertama sekali saya berpendapat bahawa kita perlu kembali kepada memperkukuhkan pasaran ASEAN ataupun perpaduan ASEAN. Yang saya bimbang dari segi perpaduan ASEAN ini adalah akibat dari kejatuhan ekonomi kita dapati bahawa negara-negara ASEAN Indonesia, Thailand, Filipina telah dimasuki oleh pelabur-pelabur daripada Eropah, Amerika dan Jepun. Kita tahu bahawa baru-baru ini sampaikan rokok kretek juga akan dibeli oleh Soros, malah telah pun dibeli oleh Soros selain daripada beberapa bank yang telah dibeli oleh mereka. Dengan kuasa ekonomi dan politik negara-negara ASEAN dikuasai oleh kuasa asing terutama Amerika

Syarikat, ada kemungkinan akan berlaku prinsip divide and rule di ASEAN ini. Bermakna bahawa Indonesia, Thailand, Filipina akan meletakkan kesetiaan kepada Amerika Syarikat demi survival masa depan negara-negara tersebut. Dengan ini akan berlaku perpecahan dari segi hubungan ASEAN.

Kita sedar bahawa pada tahun 2003 ASEAN akan melancarkan Asean Free Trade Area di mana negara kita adalah salah satu daripada participant dalam Asean Free Trade Area. Tetapi persoalannya dengan perubahan senario politik dan ekonomi di kawasan Asean adakah Asean Free Trade Area ini akan dapat terlaksana dengan lancarnya.

Kedua saya menyentuh balik kepada soal sektor swasta. Dari segi kerajaan, kerajaan boleh menyediakan regulasi memberi insentif kewangan, fiscal and monetary tetapi akhirnya yang akan menentukan sama ada daya saing ini dapat tercapai adalah sektor swasta sendiri. Sejauh mana sektor swasta akan menyambut baik usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan. Adakah sektor swasta kita memegang falsafah mahu menjadi syarikat-syarikat gergasi di pasaran antarabangsa.

Saya khuatirkan perkara ini kerana dari segi analisis saya sendiri saya dapati syarikat-syarikat negara kita belum sampai ke tahap ketahanan yang begitu tinggi. Malah saya pernah menyuarakan rasa kekhuatiran saya apabila Asean Free Trade Area ini dilancarkan. Katalah dilancarkan nanti adakah syarikat-syarikat kita bersedia untuk bersaing. Saya mengambil contoh dari segi projek kereta. Kalau kita lihat dari segi laporan yang terdapat dalam akhbar dan majalah-majalah serta dokumen lain negara Thailand akan mendahului kita dari segi kemampuan mereka mengeluarkan kereta yang lebih baik daripada kita, malah dipanggil sebagai 'the Detroit of Asia'.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat mintalah bercakap berkenaan dengan perkara yang di hadapan kita itu. Yang itu dasar ke hadapan, luar berkenaan dengan perbelanjaan negara itu. Bolehkah bercakap di atas point yang ada kerana kita tidak ada masa sekarang ini Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Saya menyentuh tentang promosi perdagangan di mana saya dalam proses hendak pergi kepada tajuk saya perlu kepada preamble. Persoalannya adakah syarikat swasta kita bersedia untuk bersaing ke peringkat antarabangsa kerana seperti mana yang saya nyatakan tadi kalau kerajaan mengambil tindakan dengan memberi insentif dan sebagainya dan kalau sektor swasta itu sendiri tidak bersedia maka kita akan menghadapi kesukaran. Kerana akhirnya bila kita lihat dari segi daya saing di sebuah negara sebenarnya daya saing itu adalah dari segi daya saing yang boleh dikuasai oleh sebuah firma di dalam pasaran antarabangsa dan apabila kita bercakap mengenai daya saing firma sejauh mana produk yang dikeluarkan oleh firma tersebut dibeli di pasaran antarabangsa. Seperti mana kita lihat di negara kita ini terdapat banyak produk daripada negara-negara Amerika Syarikat telah dapat menembusi pasaran negara kita dan di sebalik itu bermakna sejauh mana firma negara kita dapat menguasai pasaran antarabangsa.

Jadi, sehubungan dengan itu saya ingin mendapat makluman daripada kementerian dalam proses meningkatkan daya saing dan melakukan penstrukturan ekonomi negara kita terutama dengan negara kita telah pun mengadakan PIP2 dan sebagainya, sejauh manakah syarikat-syarikat kita mempunyai daya saing untuk menembusi pasaran antarabangsa tersebut. Di samping itu juga, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan produk negara kita. Seperti mana kita sedia maklum bahawa eksport negara kita memang meningkat tinggi dan adalah difahamkan bahawa sebahagian besar eksport kita adalah dalam bentuk produk yang dikeluarkan oleh FDI. Syarikat-syarikat negara kita tidak banyak mengeluarkan produk yang dihasilkan oleh negara kita atau produk yang bertaraf antarabangsa atau bernamakan produk Malaysia ataupun brand Malaysia. Sejauh manakah usaha-usaha kita ke arah untuk menghasilkan produk-produk yang berjenama Malaysia untuk dapat menembusi pasaran antarabangsa. Sehubungan dengan itu saya melihat bahawa kita telah membuat satu perubahan struktur yang begitu kukuh dengan kita beralih daripada pengeluaran sektor perkilangan kepada sektor IT.

Kita telah pun mengadakan MSC, beberapa ratus syarikat telah pun mendaftar dengan MSC. Saya ingin mendapat maklumat sekarang ini produk-produk apakah yang telah dikeluarkan oleh MSC tersebut untuk pasaran tempatan dan produk apakah yang telah dihasilkan untuk pasaran antarabangsa dan bagaimanakah perancangan kita supaya produk-produk IT keluaran tempatan ini dapat menembusi pasaran antarabangsa seperti mana kita sedar negara Taiwan umpamanya telah mengeluarkan produk-produk IT yang dapat menaiki tangga kepada peringkat antara produk yang paling tinggi sekali kedudukannya dalam ranking pasaran IT di peringkat antarabangsa.

Saya juga ingin menyentuh mengenai dengan menggalakkan lebih ramai pelabur melabur di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam beberapa laporan yang saya baca di antara kriteria utama yang dipilih oleh pelabur-pelabur luar untuk masuk ke sebuah negara adalah sebuah negara yang bersatu padu dan perpaduan yang kukuh di negara tersebut. Saya ingin menyentuh sedikit mengenai dengan apa yang berlaku kebelakangan ini. Saya dapati bahawa di kalangan masyarakat kita ada ketidaksefahaman yang mengakibatkan kepada perpaduan kita agak terjejas sedikit. Kalau kita pergi kepada *peringkat grass root* kita dapati bahawa masyarakat sudah berpecah belah di antara satu sama lain, di dalam masyarakat kampung umpamanya dan ini jikalau dibiarkan berterusan ia akan menjejaskan perpaduan negara kita. Oleh kerana antara faktor utama yang diambil kira oleh pelabur luar untuk melabur dalam negara kita ini adalah berkaitan dengan perpaduan negara, maka dengan ini saya menyeru kepada kerajaan supaya perkara-perkara ini dapat diberikan tumpuan dalam masa tempoh yang terdekat ini.

Saya mendapati antara sebab atau punca perpaduan yang tidak kukuh itu adalah dari segi masalah kefahaman kepada beberapa dasar-dasar yang dijalankan oleh kerajaan. Kalau dari segi prestasi kerajaan saya dapati prestasi yang telah ditunjukkan oleh kerajaan adalah begitu tinggi. Tetapi oleh kerana terdapat anggota masyarakat yang tidak faham akan dasar-dasar kerajaan tersebut maka salah faham ini mudah dimasuki oleh propaganda-propaganda yang mengakibatkan apa yang saya nyatakan tadi.

Saya harap bahawa kerajaan akan mengkaji perkara ini dan mengambil berat tentang perkara ini supaya kita tidak menghadapi masalah-masalah besar pada masa yang akan datang.

Akhir sekali saya ingin menyentuh mengenai Jabatan Kerja Raya yang diperuntukkan sebanyak RM17.9 juta. Apa yang ingin saya sentuh di sini adalah sama ada bahawa dari segi Kementerian Kerja Raya dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab pembangunan boleh atau tidak bahawa penjimatan kos dilakukan ke atas kerja-kerja yang dijalankan.

Saya mendapati bahawa dalam suasana sekarang di mana kita mengamalkan belanjawan defisit, penjimatan kos boleh membantu kerajaan kita dengan mengurangkan defisit atau pun dengan kita boleh menambahkan projek-projek yang hendak dilaksanakan. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa soal costing perlu diberi perhatian dengan melihat kepada penekanan kepada prinsip 'cost effective measures' yang sepatutnya boleh dilakukan dari segi operational mahupun dari segi strategik.

Dari segi operational pengurangan kos boleh berlaku dari segi meningkatkan kualiti kerja dan juga mengurangkan kos-kos tertentu. Dari segi strategik boleh dikurangkan kos dari segi design product dan juga pembangunan product. Kadang kala kita lihat bila dibuat perbandingan antara pembangunan yang dilakukan kita dapati bahawa pembangunan dilakukan oleh Kementerian Kerja Raya agak tinggi jika dibandingkan dengan apa yang dijalankan oleh pihak swasta iaitu dengan reka bentuk yang lebih simple dengan cara membangunkan projek itu dengan lebih efisien lagi maka kita boleh melakukan penjimatan kos. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kubang Kerian.

**4.23 ptg.**

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk mengambil bahagian dalam membahaskan anggaran tambahan yang telah dibentangkan.

Saya merujuk kepada Suruhanjaya Pilihan Raya yang telah diperuntukkan dalam anggaran tambahan ini sebanyak RM3.5 juta. Kita baru sahaja menyelesaikan pilihan raya umum yang kesepuluh yang telah berlalu, tetapi ada satu isu yang berbangkit daripada perjalanan pilihan raya ini iaitu berkaitan dengan daftar pemilih yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya yang mempunyai banyak keraguan. Saya rasa perkara ini perlu diambil tindakan segera bagi memulihkan keyakinan para pengundi dan orang ramai terhadap integrity SPR itu sendiri....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat elok point of order 36(1), kalau boleh kita tumpukan kepada isu yang berkenaan, kita ada lagi sesi yang lain yang boleh dihujahkan perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** 36(1) kita hujah kepada perkara belanjawan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dia berucap di atas Maksud B.4, tambahan sebanyak RM3.5 bilion.

**Tuan Haji Husam bin Haji Musa:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah perkara yang serius dan saya bukan sengaja untuk membangkitkan perkara ini untuk satu sensasi. Tujuan saya membangkitkan perkara ini ialah supaya kita dapat sama-sama mencari jalan supaya integrity SPR satu badan yang begitu penting pada proses perjalanan politik negara kita dapat ditingkatkan dan peruntukan yang kita berikan sebanyak RM3.5 bilion pada pandangan saya adalah kecil.

Perkara-perkara yang jelas dalam daftar pemilih antaranya yang boleh saya sebutkan pada sidang ini ialah orang-orang yang telah mati begitu lama tetapi nama mereka masih ada dalam daftar pemilih dan pada setengah keadaan mereka yang tertentu telah diizinkan untuk mengundi bagi pihak orang-orang yang telah mati. Ini saya rasa satu perkara yang amat tidak wajar berlaku. Perkara yang lain ialah satu I.C., satu Kad Pengenalan mempunyai dua orang nama yang berbeza yang menggunakan I.C. yang sama didaftarkan dalam dua kawasan yang berbeza.

Yang ketiga ialah satu orang mempunyai dua tempat pendaftaran, dalam kawasan Parlimen atau DUN yang berbeza. Ini adalah ketara wujud di mana-mana bahagian Parlimen di negara kita. Saya rasa satu badan yang telah ditubuhkan oleh NGO iaitu Budi mempunyai maklumat lengkap berkaitan dengan ketidakwajaran yang berlaku dalam daftar pemilih. Sehubungan dengan ini saya mencadangkan dalam sidang ini supaya kita terutama Jabatan Perdana Menteri dan kerajaan memikirkan supaya pada masa hadapan SPR dapat diasingkan daripada diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri kerana kita mahukan satu institusi yang benar-benar bebas, berkecuali, cekap dan telus yang dapat diyakini oleh semua pihak.

Selagi mana kita meletakkan suruhanjaya ini di bawah Jabatan Perdana Menteri kita tidak dapat menjelaskan kepada masyarakat ketelusan integrity dan kebebasan badan yang begitu penting ini.

Saya juga merujuk kepada Kementerian Kerja Raya dan menyokong cadangan dan pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat bagi Tambun kalau tidak silap saya iaitu wujudnya keadaan di mana costing sesuatu projek di bawah Jabatan Kerja Raya atau Kementerian Kerja Raya adalah lebih besar daripada sepatutnya. Secara spesifik saya merujuk kepada jambatan baru di Salor, di Kelantan yang saya difahamkan anggaran asalnya ialah RM80 juta tetapi telah diawardkan kepada satu syarikat pada fahaman saya dengan nilai RM160 juta dan jika ini benar



berlaku menambahkan syak wasangka masyarakat awam terhadap integrity kementerian-kementerian kita dan jabatan-jabatan kita dan wujudnya amalan up front, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bagi mana-mana projek untuk membiayai tabung politik bagi pihak-pihak yang tertentu.

Saya secara spesifik tidak ingin memberikan satu tuduhan di sini tetapi yang asas pada pandangan saya ialah sebarang syak wasangka seperti ini tidak harus wujud dan satu costing penganugerahan projek secara yang lebih telus dapat dilakukan pada masa hadapan oleh kementerian-kementerian kita.

Saya juga merujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam berkaitan dengan peruntukan pencen yang diperuntukkan dalam anggaran ini dan saya ingin menyokong pandangan rakan saya Yang Berhormat bagi Batang Lupar kalau tidak silap saya, dalam hubungan bahawa sebahagian daripada penerima pencen tidak mempunyai atau menerima jumlah yang sepatutnya atau secukupnya bagi keperluan seorang insan dalam keadaan ekonomi negara yang ada pada hari ini.

Secara spesifik saya mencadangkan supaya Jabatan Perdana Menteri membuat satu kajian untuk mengecualikan wanita-wanita yang telah menikmati pencen daripada suami mereka yang telah pun meninggal dunia daripada dipotong pencen mereka apabila mereka membuat pilihan untuk bersuami baru. Ini adalah satu perkara yang saya rasa amat dinanti-nantikan oleh wanita-wanita negara kita dan ini adalah satu penghormatan kepada kehendak naluri mereka dan pada masa yang sama tidak menafikan hak mereka untuk menerima pencen daripada bekas suami-suami mereka yang telah meninggal dunia.

Saya juga menyentuh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang secara amat mengejutkan saya telah menerima peruntukan yang begitu besar dalam anggaran tambahan ini berjumlah RM150 juta dan ini membayangkan bahawa kementerian ini telah tidak merancang program dan atur cara pergerakan kementerian ini sehingga satu anggaran tambahan yang begitu besar telah diperuntukkan dan adalah satu perkara yang sangsi adakah jumlah yang begitu besar diperlukan dan benar-benar telah digunakan secara yang berkesan dan bermanfaat seperti yang sepatutnya.

Jika kita membuat perbandingan di antara kementerian-kementerian, Kementerian Pertanian umpamanya hanya diperuntukkan RM9 juta sedangkan dalam Program Pemulihan Ekonomi Negara kita telah menyebut bahawa pertanian adalah satu daripada strategi yang penting bagi usaha pemulihan ekonomi. Tetapi dengan peruntukan yang begitu kecil, saya yakin tidak wujud keseriusan pihak kementerian dalam meningkatkan hasil pertanian seperti yang diharapkan oleh Dasar Pemulihan Ekonomi kita.

Akhir sekali saya ingin menyentuh tentang Kementerian Kewangan. Pada ingatan saya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam beberapa persidangan serantau telah mencadangkan supaya satu daripada cara untuk kita mengatasi krisis kewangan mata wang kita ialah untuk mempunyai satu mata wang Asia tunggal bagi mengimbangi penggunaan Dolar Amerika bagi perdagangan serantau.

Selain daripada ingin mengetahui perkembangan selanjutnya daripada cadangan ini yang telah pun dikemukakan pada dua tahun yang lalu, saya juga suka mencadangkan Kementerian Kewangan membuat satu kajian, kemungkinan menggunakan satu cara alternatif kepada kebuntuan mencari satu mata wang tunggal Asia iaitu dengan cara memperkenalkan mata wang Asia berasaskan emas kerana emas boleh diterima oleh semua negara dan dengan itu kita dapat menggunakan satu mata wang tunggal bagi perdagangan Asia, bagi menggantikan penggunaan ataupun kebergantungan kepada mata wang-mata wang yang lain yang telah dituduh sebagai satu punca kepada kejatuhan kewangan negara kita.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan kepada semua rakan-rakan yang tidak memberikan gangguan. Sekian, wassalam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukit Mertajam.

4.34 ptg.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Ketiga, dalam satu tahun telah tiga kali buat tambahan. Ini menunjukkan perancangan yang begitu lemah, yang kurang sihat dan sebanyak sepuluh kementerian yang telah mendapat tambahan ketiga dan kesemua duit telah dibelanjakan. Setelah dibelanja baru datang ke Dewan yang mulia ini untuk meminta kelulusan dalam keadaan yang begitu tergesa-tergesa. Biasanya rang undang-undang diberi dua hari selepas dibentangkan tetapi sekarang mesti dibahas serta-merta. Ini seolah-olahnya ada sesuatu yang tidak mahu dibincangkan, kerana perkara ini merupakan urusan penting.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat perkara ini telah pun dibincangkan dahulu sebelum dibubarkan dan telah pun diluluskan. Jadi, masa telah diberi.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun ia telah dibincangkan dahulu tetapi ia tidak diluluskan. Ini merupakan satu gejala .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Diluluskan, Yang Berhormat diluluskan hanya pada .....

**Puan Chong Eng:** .....tetapi ia tidak jadi sah kerana Dewan yang mulia ini telah dibubarkan. Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan gejala yang kurang sihat, sekiranya kita mempunyai satu perancangan yang baik, tidak perlu kita datang ke Dewan yang mulia ini untuk tambahan kali ketiga. Mungkin juga ini adalah cara Barisan Nasional hendak memulihkan ekonomi dengan belanja yang lebih banyak, dengan izin, untuk *spend through the crisis*, untuk belanja lebih banyak. Tetapi yang hairannya ialah apa yang dibelanjakan bukan untuk aktiviti-aktiviti yang berproduktif.

Saya hairan ialah Perkara 8 – Maksud B.31 – Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Wang tambahan yang digunakan itu ialah untuk membiayai kenaikan kadar sewa ruang pejabat, bayaran utiliti, pembelian peralatan. Bukankah ini semua bukan *emergency*, ini sepatutnya boleh dirancang dengan lebih awal, mengapa perlunya menggunakan Kumpulan Wang Luar Jangka untuk perkara yang tetap macam ini. Sekiranya kita teliti semua tambahan ini memang banyak yang digunakan untuk bayaran tetap dan bukan kerana ada apa-apa *emergency* yang telah timbul.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Maksud B.19 – Kementerian Pertanian. Walaupun wang tambahan ini telah dibayar atau diluluskan tetapi yang saya hendak mengingatkan menteri yang berkenaan bahawa penternak-penternak yang dijejaskan oleh wabak ini, mereka masih dalam masalah kewangan, mereka berhutang beribu-ribu, berjuta-juta dan sekarang pembekal (*feeds supplier*) mendesak mereka untuk membayar balik hutang mereka. Saya harap kerajaan sekiranya prihatin akan memberi pertolongan yang berjenis ataupun menggunakan jasa baik mana-mana jawatan supaya mereka diberi jangka masa yang lebih panjang supaya mereka boleh memulihkan ekonomi mereka sendiri sebelum mereka membayar hutang-hutang ini.

**Tuan Lim Hock Seng:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta penjelasan? Ya.

**Puan Chong Eng:** Ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Bolehkah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam juga meminta kepada kerajaan kerana kerajaan ada buat satu janji bahawa jika Kerajaan Barisan Nasional menang dalam pilihan raya, maka mereka akan membayar ganti rugi kepada seekor babi yang dibunuh daripada RM50 kepada RM120 dan sekarang adalah masa kerana Kerajaan Barisan Nasional telah menang dan sekarang adalah masa untuk menunaikan janji mereka, untuk membayar RM120 kepada seekor babi yang dimusnahkan.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bagan. Memang betul, hari ini saya baca surat khabar, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru kata dia menggesa supaya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional menunaikan janji-janji pilihan raya.

Saya harap Yang Amat Berhormat akan mengingatkan diri sendiri dan juga kerajaannya supaya apa-apa janji akan ditunaikan dan penternak-penternak yang terjejas, memang dalam keadaan yang sungguh susah. Karier mereka ada yang dibina terus menerus empat generasi telah dihapuskan dalam satu krisis wabak ini. Maka saya harap kementerian yang berkenaan dan juga kerajaan akan menunaikan janji mereka dan memberi pampasan yang lebih banyak dan juga .....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak, ya?

**Puan Chong Eng:** .....memberi pertolongan yang boleh.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Penjelasan sedikit. Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Saya ingin minta penjelasan tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai dengan penyakit JE yang telah menjejaskan usaha Cina terbabit. Pihak kerajaan telah membantu sedikit sebanyak tentang usaha supaya sedikit sebanyak kemudaran ini tidak akan menjadi bebanan berat kepada mereka. Saya ingin tahu sama ada pendirian PAS terhadap perkara ini mereka setuju supaya memberi sokongan terhadap bantuan yang diberikan kepada perkara-perkara seumpama ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya soalan ini ditujukan kepada PAS dan bukan DAP. Walaupun saya tidak nampak Ahli Yang Berhormat dari mana - terlalu jauh. Saya yang bercakap .....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Minta penjelasan sedikit. Ini pasal Barisan Alternatif.

**Puan Chong Eng:** ..... tolong duduk. Nanti, nanti, belum jelas lagi – duduk. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kita di sini ialah untuk membincangkan apa-apa cara yang boleh memberi pertolongan kepada rakyat. Jangan main politik, kalau hendak juga dia mesti bertanya kepada Ahli Yang Berhormat yang betul, bukan kepada saya. Saya dari DAP.....

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Minta penjelasan sedikit.

**Puan Chong Eng:** Kalau penjelasan yang sama, tidak perlu. Adakah yang lain-lain? *[Disampuk]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Cuma hendak menyatakan tentang pendirian. *[Disampuk]* You, beradablah sedikit, kita ikut peraturan, dia suruh saya duduk, saya duduk. Dia sudah beri jalan, tidak boleh cakap.....

**Puan Chong Eng:** Terus, terus.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ..... saya ingin menyatakan di sini bahawa saya bertanya, minta penjelasan. Kalau pendirian satu angkatan Barisan Alternatif, yang dianggap mereka ini sepadu tetapi dalam isu-isu tertentu, mereka tidak selari tentang perkara-perkara ini. Walaupun MCA, Gerakan, MIC mempunyai mungkin hala tuju dan pendekatan untuk kaum-kaum tertentu tetapi kita seangkatan dalam memutuskan perkara-perkara yang melibatkan perjalanan pentadbiran pengurusan kerajaan yang ada pada hari ini.

Perkara seperti ini yang membabitkan isu-isu yang melibatkan suku kaum masyarakat Cina khususnya yang terlibat dalam dunia perniagaan ini, adakah hak asasi

mereka, adakah penghidupan mereka hanya diperjuangkan oleh parti-parti dalam Barisan Alternatif yang berlandaskan seperti DAP dan tidak parti-parti yang lain. Tetapi dalam angkatan alternatif, mereka mengatakan mereka bersatu.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat lebih baik masing-masing menjaga barisan masing-masing. *[Ketawa]* Ini yang dikatakan MCA dan juga Gerakan yang bersepakatan tetapi berebut-rebut untuk jawatan di Pulau Pinang, *[Tepuk]* sampai tidak dapat tubuh kerajaan baru. Apa ini? *[Disampuk]*

**Tuan Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Chong Eng:** Ya.

**Tuan Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:** Bolehkah menyatakan bahawa sokongan yang diterima oleh PAS di negeri Terengganu dan Kelantan menunjukkan orang-orang Melayu dan masyarakat Malaysia secara keseluruhannya telah menolak sifat perkauman UMNO dan Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lepas? Sekian. *[Tepuk]*

**Puan Chong Eng:** Terima kasih. Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting ialah Kerajaan Terengganu sekarang telah membenarkan penternakan babi yang telah diharamkan oleh Barisan Nasional 10 tahun yang lalu yang disokong oleh MCA dan Gerakan. Ini bersepadulah untuk Barisan Nasional. *[Disampuk]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat, biarlah dia teruskan ucapannya. Ya.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Maksud B.4 – Suruhanjaya Pilihan Raya. Dalam pilihan raya ini, saya percaya wang tambahan ini digunakan kerana pilihan raya diadakan pada bulan November. Ini merupakan satu perancangan yang kurang sihat kerana kita mempunyai lima tahun untuk menetapkan bila hendak diadakan hari pilihan raya. Tetapi dalam negara ini apabila hari hendak membubarkan Dewan yang mulia ini telah tertakluk kepada seorang sahaja dan kerana seorang ini, maka Dewan yang mulia ini menghadapi krisis sekarang, sampai mesti mengadakan satu sidang yang tidak mengikut Perlembagaan dan juga peraturan *[Sorak]*. Ini semua kerana Barisan Nasional .....*[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, saya harap apabila saya berucap orang lain kalau tidak mahu dengar diam sahaja. *[Sorak]* Ini bukan satu kelakuan yang 'berparlimen' di dalam Dewan yang mulia ini. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, terlebih-lebih lagi saya seorang yang baru di Dewan yang mulia ini. Orang yang buat kacau ini sudah berapa tahun berada di dalam Dewan yang mulia ini.....

**Seorang Ahli:** Tidak ada malukah? *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, adalah penting sekiranya kita ingin mengadakan satu pilihan raya yang lebih teratur, tidak menghadapi masalah yang kita semua hadapi sekarang ini, maka adalah lebih baik sekiranya kita boleh tetapkan hari-hari untuk pilihan raya. Walaupun tidak boleh hari itu, *[Disampuk]* pun bulan, ataupun bila? Satu tarikh, satu jangka masa supaya tidak perlu semua orang tertunggu-tunggu ataupun meneka-neka ataupun sampai ada main judi *[Ketawa]* bila akan diadakan pilihan raya. Ini tidak baik untuk negara ini dan tidak baik untuk rakyat di negara ini.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Ahli Yang Berhormat bagi Rompin bangun, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** *[Disampuk]* ..... dan sekiranya kita boleh beri tambahan ..... *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Rompin telah banyak kali bangun. Saya tidak mahu beri dia jalan. *[Disampuk]* Dia sudah banyak mengganggu dan dia bukan ada memberi cadangan-cadangan yang bernas ataupun konstruktif, maka tidak perlulah. *[Disampuk]* *[Ketawa]* Sila duduk.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini macam kecewa, macam kesal *[Disampuk]* kerana .....

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong kalahkah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Puan Chong Eng:** *[Ketawa]* Tolong sedikit. Tuan Yang di-Pertua, dalam sebuah negara yang dikatakan menjalankan Sistem Berparlimen dan demokratik, maka adalah penting supaya pilihan raya dijalankan dengan saksama, dengan bebas, dengan adil tetapi apa yang kita semua lihat dalam pilihan raya yang lepas pembangkang menghadapi banyak ketidakadilan, terutama kegunaan *machinery* kerajaan, kegunaan mass media seperti TV3, TV2, TV1 yang dikatakan TV kerajaan, TV Barisan Nasional, itu tidak betul.

Maka saya harap sekiranya kita hendak memasuki kepada satu alaf baru yang cukup bermakna dan kita hendak mencapai Wawasan 2020, adalah penting bukan sahaja mencapai pembangunan secara fizikal tetapi juga pembangunan secara prinsip-prinsip demokrasi. Adalah penting supaya kita mengadakan satu suruhanjaya pilihan raya yang bebas, yang tidak di bawah Jabatan Perdana Menteri. *[Disampuk]*

Saya juga harap pada masa yang akan datang, mereka yang cukup umur 21 tidak perlu mendaftar tetapi boleh secara automatik menjadi pengundi kerana kita hendak masuk ke alaf baru tahun 2000 yang kita katakan kita hendak membangunkan teknologi IT. Sekiranya kita berhasrat untuk mengadakan kerajaan tanpa kertas (*paperless government*), maka kenapa kita tidak boleh menggunakan IT dan komputer ini supaya pengundi-pengundi yang cukup umur tidak perlu mendaftar, mereka secara automatik menjadi pengundi. Ini boleh menjimatkan banyak wang untuk negara. Sekiranya kita betul-betul hendak pembangunan yang bermakna, kita mesti mempunyai demokrasi yang lebih bermakna. Kita mesti mempunyai kebebasan informasi (*information freedom*) di mana kita boleh mendapat information yang kita berhak untuk mendapatnya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Penjelasan.

**Puan Chong Eng:** Ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua..

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam sama ada beliau mengaku atau tidak Barisan Nasional boleh, di mana 680,000 pengundi baru yang berdaftar pada tahun ini, bulan Mei, tidak dapat mengundi pada musim pilihan raya ini. Sudah tujuh bulan mereka tidak layak lagi menjadi pemilih sah untuk mengundi, adakah ini 'Malaysia Boleh', 'Barisan Nasional Boleh'?

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, ya ini memang 'Barisan Nasional Boleh' yang saya nampaknya banyak perkara yang boleh dilakukan seperti anggaran tambahan yang ketiga telah dilakukan dan kita boleh memberi wang sebanyak RM150 juta untuk promosi pelancongan tetapi masalah yang dihadapi oleh rakyat yang biasa

seperti masalah banjir tidak boleh diselesaikan. Masalah yang biasa seperti masalah lalu lintas tidak boleh diselesaikan, masalah kekurangan rumah kos rendah tidak boleh diselesaikan tetapi Barisan Nasional boleh mengadakan *the world highest twin tower* ataupun Bakun dam, *the dam* yang terbesar di dunia. Yang pentingnya ialah apakah *priority*nya kerajaan ini, adakah masalah yang dihadapi oleh orang biasa tidak penting. Mengapa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak diberi anggaran tambahan untuk menolong memulihkan projek-projek perumahan yang bermasalah yang begitu banyak pada masa ini khasnya projek-projek perumahan kos rendah, mengapa mereka tidak diberi kepentingan. Mengapa pemberian.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** 36(1) - point of order....

**Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:** Duduklah, point of order.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau point of order, duduk! Ha, kita Barisan Nasional memang memperjuangkan perumahan untuk kos rendah....

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Duduklah dahulu, katanya mengikut peraturan dan undang-undang. I have the floor. Madam, saya ada floor, so you shut up.

**Puan Chong Eng:** Peraturan berapa?

**Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Senyap. Saya ada sebut 36(1), cakap tentang perumahan, di sini mana ada peruntukan perumahan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Awak duduklah, awak duduk, awak tidak ada kena mengena!

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan.....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:**.....kalau 36(1) perkara yang dikatakan tadi tidak ada kena mengena dengan perbelanjaan ini. Yang ini apa sibuk?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Sudahlah Yang Berhormat. Yang Berhormat....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kamu apa sibuk? Duduk! Baru Setiausaha Agong baru sudah hendak berkuasa, duduk!

**Tuan Yang di-Pertua:** Kota Melaka, sila duduk ya. Dia ingat tadi, Yang Berhormat beri jalan kepada dia. Biarlah dia berucap dahulu ya.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Duduk, duduk! 36(1) perkara yang dikatakan tidak ada kena mengena. 36(1) tumpukan kepada perkara - perumahan kos rendah tidak ada di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah perumahan dalam tajuk itu?

**Beberapa Ahli:** Tidak ada!!

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya dalam ucapan mesti hendak membuat bandingan untuk menunjukkan apa yang lebih penting.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa orang-orang lama seperti Rompin ini, dia kacau sangat. Dia orang yang pertama yang ada di dalam Dewan..

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu di bawah apa itu? *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu penjelasan. Adakah benar?

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkara apa itu, Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ia penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Adakah benar orang-orang seperti Rompin yang lama di dalam Dewan ini hendak kacau sangat orang baru. Adat kita ini yang baru kita biarkan sahaja. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Gentleman.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ha, yang baru. Saya tidak akan ganggu orang yang baru itu, jadi adat ini mesti diikuti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kepong, itu bukan penjelasan, Yang Berhormat. *[Ketawa]* Sila, sila.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kepong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah? Apa lagi Yang Berhormat?

**Puan Chong Eng:** *[Membetul-betulkan pembesar suara]* Pembesar suara tidak elok. Hari ini hari pertama saya di dalam Dewan ini tetapi saya dapati yang selalu buat kacau ialah Ahli Yang Berhormat bagi Rompin. *[Ketawa]* Mungkin beliau betul-betul *frustrated* kerana tidak dapat jawatan di depan sana. *[Ketawa]* Ini tidak patutlah, walaupun dia tidak puas hati dengan kerajaan dia tidak patutlah hendak mengacau sebelah sini, kacaulah sebelah sana! *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat berucap?

**Seorang Ahli:** Duduklah!

**Puan Chong Eng:** Kalau tidak dikacau boleh habis dalam lima minitlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan kacaulah Yang Berhormat yang lain-lain ya. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat bagi Rompin diam ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau hendak kacau pun jangan dalam Dewan ini, ya. *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, anggaran tambahan yang diberi di sini saya berpendapat semua terlalu ringkas, maka kita tidak tahu macam mana wang yang beratusan juta ini dibelanja dan Dewan ini hendak kita membuat perbahasan dan hendak luluskan dengan serta-merta. Saya berpendapat ini tidak memberi keadilan kepada Dewan ini, kepada rakyat dan juga kami di dalam Dewan ini. Kita mesti teliti apa-apa perbelanjaan khasnya perbelanjaan seperti ini, sudah dibelanjakan baru hendak

mendapat kelulusan. Kita perlu masa yang lebih, maklumlah Tuan Yang di-Pertua, kita ini bukan semuanya *economist*, kita orang biasa, maka kita perlukan satu penjelasan yang lebih teliti, yang lebih *detail* dan juga kita perlu masa yang lebih banyak supaya kita boleh memberi satu perbahasan yang lebih bermutu. Maka, saya harap supaya kita semua bersama-sama untuk menuju ke arah ini supaya Dewan ini boleh benar-benar menjadi forum yang tertinggi dan menjadi satu di mana semua perbahasan adalah bermakna dan juga bermutu tinggi.

Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua: Bandau.**

**5.00 ptg.**

**Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang yang ada di atas meja mesyuarat iaitu berkaitan dengan permohonan peruntukan tambahan ketiga bagi tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan bercakap banyak hanya beberapa Kepala sahaja yang kita ingin sentuh demi untuk memperingatkan pihak kerajaan khususnya perkara-perkara yang sehingga sekarang belum lagi diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan pertama yang kita ingin penjelasan diberi ialah mengenai dengan defisit kewangan negara, dengan adanya permohonan untuk perbelanjaan tambahan yang ketiga ini yang berjumlah RM600.8 juta, kita berpendapat bahawa sememangnya defisit keseluruhan negara pasti melambung tinggi dan sepertimana yang dibentangkan lebih awal dalam Rang Undang-undang Perbekalan memohon pendahuluan daripada wang yang disatukan yang telah memohon kira-kira RM18.4 bilion, jadi kesemua ini meragukan kita, yang kita ingin ialah diberi penjelasan berapa jumlah defisit kerajaan pada saat ini. Dahulu pada masa pembentangan perbekalan negara tahun 2000 mengatakan kira-kira RM18 bilion dijangka pada hujung tahun 2000, tetapi kita berpendapat pada waktu itu pun, pasti pun hanya mencerminkan barangkali 25% daripada perbelanjaan kerajaan yang sebenar.

Saya minta pihak kementerian memberi penjelasan nanti berapa jumlah defisit negara pada saat-saat ini dengan adanya permohonan RM600.8 juta bagi perbelanjaan tambahan yang ketiga ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya hanya dua, tiga Kepala yang kita ingin menyentuh, pertamanya di bawah Maksud Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang memohonkan sejumlah RM11 juta dan mengikut huraian yang telah pun diberi, ini adalah tambahan kepada RM147 juta yang telah pun diluluskan pada asalnya dan permohonan kali ini ialah sejumlah RM11 juta.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kita ingin bertanya sepertimana yang dijelaskan di sini bahawa ini adalah dikehendaki untuk mempergiatkan lagi promosi perdagangan dan pelaburan MITI, MIDA dan MATRADE bagi menggalakkan lebih ramai pelabur melabur di negara ini dan meningkatkan eksport barangan tempatan keluar negeri terutama bagi destinasi pasaran baru.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah begitu jelas dalam huraian ini, misalnya berapa jumlah yang telah digunakan untuk tujuan promosi setakat tahun ini kerana begitu senang sekali bagi kerajaan untuk menentukan melawat di sini sana, menjalankan promosi di sini sana tanpa mengambil kira kos lawatan-lawatan dan promosi-promosi tersebut. Kita ingin tahu setakat bagi tahun ini berapa jumlah wang negara yang telah digunakan untuk tujuan promosi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya sepertimana yang dikatakan di sini, ini adalah dibuat oleh pihak MITI, MIDA dan MATRADE, biasanya di Dewan yang



mulia ini, mahu dua, tiga tahun baru kita dapat annual report, dengan izin, laporan tahunan agensi-agensi tersebut ini dan dari sana, dua, tiga tahun kemudian baharulah kita mengkaji, meneliti walaupun di peringkat jawatankuasa negara mereka dapat memperoleh maklumat lebih awal. Tetapi biasanya dua, tiga tahun baharu kita tahu di mana lawatan-lawatan itu dilaksanakan, diadakan, berapa jumlah yang digunakan dan dengan peruntukan yang dipohon sejumlah RM11 juta ini, inilah persoalan-persoalan yang saya katakan tadi, di manakah tempat-tempat yang ditujukan ini, apakah tujuan yang sebenar, apa jenis perdagangan dan promosi-promosi yang dilakukan, sepertimana yang disebut di sini juga dikatakan destinasi pasaran baru, di mana destinasi pasaran baru ini yang kita ingin tahu dan adakah betul pasaran baru ini ada potensi untuk menarik pelabur-pelabur asing ke negara kita.

Mengikut tinjauan para umum dan para akademik bagi tahun ini sahaja, tidak begitu meningkat dengan tinggi pelaburan asing yang telah dipenuhi oleh negara kita bagi tahun ini. Jadi dengan peruntukan sebanyak RM11 juta ini, kita berharap bahawa pihak kementerian boleh memberi penjelasan yang lebih lanjut mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama kita ingin bertanya juta dari lawatan ke tempat yang telah diberi tumpuan dari segi promosi, berapa banyak pelaburan yang telah pihak MITI, MIDA dan MATRADE telah tarik ke negara kita, berapa banyak dari Jepun, dari Eropah, dari Taiwan dan seterusnya, kita ingin mengetahui supaya kita boleh tahu adakah nilai wang negara yang digunakan itu betul-betul telah digunakan dengan betul dan dengan mencapai matlamat yang ditujukan.

Pada masa yang sama kita ingin cadangkan, memandangkan nilai wang negara kita masih dalam paras RM3.80 bagi setiap Dollar Amerika, maka kos untuk promosi perdagangan ini amat tinggi sekali dan dengan izin, location specific ataupun potential specific, maka sekadar lawatan biasa oleh pegawai-pegawai tertentu dan menteri-menteri dan kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya di bawah Kepala Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, telah memohon RM150 juta dan mengikut huraian yang diberikan bagi peruntukan tambahan dalam Jadual yang lepas, kementerian ini telah pun memohon dan telah pun diluluskan untuk anggaran asal sejumlah RM139.6 juta bagi seluruh tahun ini sebenarnya. Nampaknya peruntukan tambahan ini melebihi daripada permohonan yang awal bagi satu perbelanjaan bagi satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kita berpendapat ini melebihi anggaran, bukan sahaja tambahan 10% atau 20% tetapi melebihi dari anggaran asal perbelanjaan satu tahun dan kalau ini tujuannya dikatakan di sini adalah dikehendaki untuk membiayai promosi pelancongan bagi kempen pengiklanan di peringkat antarabangsa oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM), kita berpendapat ini amat tinggi sekali, maka soalan-soalan pokok hendaklah diberi penjelasan oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, di mana negara asing yang ditujukan oleh promosi-promosi ini, sekali lagi persoalan kita yang sama dan juga pada masa yang sama apakah jenis kempen-kempen yang baru ini, yang begitu tinggi sekali, dua kali ganda ataupun melebihi anggaran perbelanjaan tahunan bagi LPPM, bagi kementerian ini sebenarnya. Saya rasa persoalan ini amat penting sekali.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama huraian Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi semasa membentangkan Usul rang undang-undang ini, beliau telah menekankan bahawa pada masa yang sama, perkara berkaitan dengan pelancongan domestik akan diberi tekanan dan bahawa sebahagian dari peruntukan ini akan digunakan, tetapi mengikut penjelasan ini adalah khusus untuk peringkat antarabangsa dan kita perlu penjelasan yang lebih lanjut mengenai perkara ini, apakah isi-isi iklan yang dimasukkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kajian kita iklan-iklan di peringkat antarabangsa sepertimana kita tegur pada masa yang lampau hanya memberi tumpuan kepada tempat-tempat destinasi di bahagian Semenanjung dan di peringkat negeri Sabah dan Sarawak menjadi pengiklanan 'secondar' sahaja dan kita telah sentuh perkara ini pada masa yang lampau, tetapi nampaknya masih lagi berterusan. Kita melihat ini dari segi promosi melalui CNN dan melalui media massa yang lain juga.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, sambil kita memberi penekanan untuk promosi, infrastruktur asas seperti soal-soal penerbangan itu hendaklah diberi perhatian yang wajar. Pada masa yang lalu saya telah berucap dan telah menyentuh perkara ini, misalnya soal penerbangan, kalau pelancong dari Jepun ataupun Taiwan ingin melawat negara kita Malaysia dan mereka membuat destination, dengan izin, first sight, Kuala Lumpur misalnya dan kalau mereka ingin pergi ke Sarawak dan Sabah, tiketnya tidak boleh di'confirm', dengan izin, tidak boleh ditempahkan pada masa mereka di seberang laut pada masa mereka membuat tempahan. Mereka diminta supaya confirm ataupun memberi pengesahan tiket mereka itu apabila tiba di Kuala Lumpur, Malaysia. Jadi bagaimana mereka seorang pelancong antarabangsa hendak pergi ke Sabah atau Sarawak, dengan izin, when they cannot confirm their ticket before arrival in this land to go in Sabah and Sarawak. Ini perkara pokok.

saya berharap Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian akan mengambil perkara ini dengan penting kerana satu bulan yang lalu saya berbincang dengan satu travel agent, dengan izin, yang mengatur pelancong-pelancong dari Taiwan bahawa masalah ini masih wujud. Jadi sambil kita mengatakan RM150 juta untuk tujuan menarik pelancongan dari segi pengiklanan dan seterusnya tetapi perkara-perkara pokok masih belum dapat diatasi dan kita harap pihak kementerian dan kerajaan memberi tumpuan kepada perkara ini.

Pada masa yang sama, dari segi menggalakkan pelancongan domestik, kita pernah sentuh juga pada masa-masa yang lampau, tolonglah jangan lupa sektor yang berpotensi besar iaitu dari segi Sabah dan Sarawak dan negeri-negeri yang terpencil seperti di Kelantan dan Terengganu, yang mana banyak potensi dari segi *ecotourism*, dengan izin. Dan dari segi ini maka infrastruktur asas harus diberi perhatian dan pada masa yang sama penerbangan domestik, sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, misalnya pada masa dua bulan ini amat sukar sekali mendapatkan tempahan, tempat duduk kapal terbang dari Sabah dan Sarawak. Keluarga saya hendak balik hujung minggu ini, belum lagi *confirm* tiket hendak balik ke Sabah.

Jadi, dalam keadaan begini, *something is wrong*, dengan izin, *the basic stuff, the basic infrastructure is not there*. Dan ini saya rasa ini bukan masalah saya sahaja, banyak orang ingin melawat ke Sabah ke Sarawak, orang Sabah, orang Sarawak hendak melawat ke sini, kalau mahu buat tempahan, belum dapat, masih lagi *queue* dan begitu semuanya. *So, why you want to spend*, dengan izin, RM150 juta untuk pengiklanan tetapi hal-hal yang pokok tidak dapat diurus maka kita mahu supaya pihak kerajaan melihat lebih dalam untuk memajukan sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang ingin saya sentuh di bawah Maksud B.29 iaitu Perkhidmatan Am Perbendaharaan di bawah ceraian 2, di mana sebanyak RM126 juta untuk menampung bayaran subsidi bahan-bahan petroleum bagi mengekalkan harga gas cecair (LPG) di paras 18 sen sekilogram bagi Semenanjung dan 26 sen bagi Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kita berterima kasih kepada pihak kerajaan memberi subsidi di dalam perkara ini tetapi pada masa yang sama kita mencadangkan bahawa kenapa harga ini mesti berbeza iaitu 8 sen satu kilogram dibandingkan harga dari Sabah dan Sarawak apabila dibandingkan dengan harga di Semenanjung. Kita sedia maklum kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak adalah antara pengeluar utama dari segi

gas dan petroleum dan atas nama intergrasi nasional, saya cadangkan di sini supaya kenapa tidak kita mulakan dengan hal-hal yang kecil, dengan izin, *uniformised the price, the subsidy*, supaya pada masa yang sama harga LPG kekal di paras 18 sen satu kilogram, sama dengan seluruh Malaysia, sebagai percubaan.

Dulu kita telah sentuh dari barang-barang keluaran negara seperti Proton dan seterusnya, orang bilang tidak boleh, tetapi kerana transportasi itu perlu diambil kira dan faktor-faktor lain dan seterusnya tetapi dalam perkara ini amat jelas sekali Sabah dan Sarawak adalah antara pengeluar yang terbesar, sumbangan kepada *revenue* pendapatan negeri dari segi hasil minyak. Kenapa tidak mulakan dengan ini supaya, dengan izin, *uniformised* harga LPG di seluruh negara supaya subsidi yang diberi adalah sama – dirombak kembali supaya paras tertinggi LPG di paras 18 sen pada saat ini bagi Semenanjung dan harus 18 sen juga bagi Sabah dan Sarawak.

Saya berpendapat ini mempunyai asas yang tinggi bagi pihak kerajaan mengambil kira pada masa yang sama seperti yang disampaikan oleh pihak kerajaan negeri Sarawak dan negeri Terengganu. Pemimpin-pemimpin barisan negeri Sabah belum lagi bersuara dalam perkara ini. Mengapa tidak *revenue* ataupun *petroleum royalty* bagi ketiga-tiga negeri ini disemak balik, khususnya pada saat-saat di mana pendapatan hasil negeri Sabah begitu menurun sekali dan satu caranya ialah pada masa dia susah pihak kerajaan menyemak balik *royalty* yang 5% itu harus dinaikkan kepada 10% pada saat-saat kegawatan ekonomi di negeri itu. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Kedah. Tukar tempat.

5.15 ptg.

**Tuan Haji Mohamed bin Sabu [Kuala Kedah]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tahniah di atas pelantikan sebagai Speaker Dewan, semoga Tun dapat bertugas sehingga tamat penggal ini, insya-Allah. Dan Dewan ini juga sekarang ini Perdana Menteri daripada Kedah, Ketua Pembangkang Kedah, Speaker pun Kedah. [Ketawa] Dan saya pun Kuala Kedah. [Ketawa] Kita harap Kedah dapat *priority* lebihlah kali ini. [Menyampuk].

Saya pada peringkat permulaan ini, hendak masuk sekejap lagi, mengucapkan tahniah kepada mereka yang naik pangkat, takziah kepada yang turun pangkat. [Ketawa] Dan kepada yang tidak naik pangkat langsung [Ketawa] Rompin dan Parit Sulong. [Ketawa] Saya kadang-kadang hairan juga, mereka ini berkebolehan, rajin bercakap tetapi tidak naik pangkat, saya harap dapat perhatian dan kalau sebelah sana tidak mahu, datanglah ke sebelah sini. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan RM3.5 juta, telah dibelanjakan yang kita harap SPR RM3.5 juta ini tidak cukup. Sepatutnya banyak lagi, terutama sekali untuk *improve* bahagian komputer - IT. Sebab kita lihat, satu perkara yang agak malang, bila daftar bulan 5, bulan 11 tidak boleh pakai lagi nama itu, sedangkan negeri kita menuju IT. Ini kita nampak IT ini digunakan untuk apa. Ada yang hendak dipercepatkan, kadangkala kita nampak sengaja hendak diperlambatkan seperti urusan pemilihan Pendaftar Pemilih ini. Kalau di New Zealand, sekarang ini, daftar hari ini, besok sudah boleh mengundi. Begitulah juga di negara-negara Barat yang lain, daftar dalam masa seminggu, nama mereka telah tercatat dan kalau ada pilihan raya, mereka boleh mengundi.

Tetapi kita di sini 7 bulan tidak boleh mengundi lagi. Negeri IT? Ini menjadi satu kehairanan. Kita sebut selalu bahawa bank-bank sudah ada link, kita masuk duit di sini boleh keluar di Kota Bharu tetapi kita lihat berlaku kematian bertahun-tahun tetapi masih ada lagi nama orang yang telah mati itu sebagai daftar pemilih, IT apa

macam ini? Ini yang kita kurang faham masalah penggunaan IT. Begitulah juga kita lihat kesungguhan menggunakan IT.

Saya ucapkan terima kasih kepada Datuk Zainuddin Maidin dalam tulisannya dalam akhbar *Utusan Malaysia*. Saya suka baca *Utusan Malaysia* sekarang sebab sebelum pilihan raya banyak mereka hentam kami. Sekarang mereka hentam sama sendiri. [Ketawa] Itulah surat khabar kegemaran saya sekarang. [Ketawa] Datuk Najib buat keluhan, orang ini buat keluhan, yang ini hentam ini, bacalah *Utusan* minggu ini. [Menyampuk] *Harakah* itu memanglah akhbar yang terlaris. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, Datuk Zainuddin Maidin menyatakan bahawa pada hari pilihan raya dia melihat di pondok-pondok panas parti alternatif khasnya PAS, penuh dengan komputer, mereka menggunakan IT tetapi di pondok Barisan Nasional masih menggunakan pembaris, masih menggunakan kayu rol. Ertinya mereka belajar IT tetapi tidak guna sebab itulah di pondok panas PAS ramai orang sebab penyokong Barisan Nasional pergi check nama mereka sama ada boleh mengundi atau tidak di komputer PAS. Bila mereka pergi check di komputer kita, kita kata undi PAS, jangan undi Barisan Nasional, itu yang kami menang banyak. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, masalah penggunaan IT ini kita harap di SPR ditingkatkan, kalau tidak cukup belanja RM3.5 juta tambah lagi supaya apabila pilihan raya diadakan, bila dapat keputusan rakyat semua puas hati dan daftar pemilih dalam masa sebulan atau dua bulan kita sudah boleh siap, bukan terpaksa tunggu sehingga 7 bulan.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga kita lihat sekarang ini misalnya RM150 juta yang dibelanjakan oleh Kementerian Yang Berhormat bagi Kulim, promosi yang dibuat alhamdulillah ada kejayaan. Yang saya lihat pelancong-pelancong Arab banyak datang ke Pulau Pinang sekarang. Terima kasih.

Tetapi tolonglah beritahu juga supaya melawat Kelantan dan juga jangan bersifat seperti Menteri Kerja Raya, Ahli bagi Sungai Siput, bila Terengganu PAS memerintah dia kata cukup jalan sampai ke Pahang. Lima tahun lagi PAS memerintah Pahang pula, dia kata jalan cukup sampai Karak. [Ketawa] Ini saya ingat Menteri yang agak ketinggalan zaman walaupun telah lama berpolitik. Sebab itulah Perdana Menteri tidak percaya kepada orang politik, lantik Menteri Pendidikan bukan orang politik. [Ketawa]

Kita harap tidak ada diskriminasi dalam usaha pelancongan ini dan saya yakin menteri ini yang bersikap terbuka supaya kempen itu dibuat secara menyeluruh tidak kira negeri yang dikuasai oleh pembangkang ataupun dikuasai oleh parti pemerintah sebab makin hari makin banyak negeri-negeri dikuasai oleh pembangkang dan mungkin pada pilihan raya akan datang semua negeri akan dikuasai oleh pembangkang maka kamilah yang akan duduk di sebelah sana.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga..... jangan, dahulu pun saya cakap begini tuan-tuan perlu tetapi berapa menteri tidak ada, perkara ini manusia boleh berubah.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, penjelasan.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat lagi dalam satu setengah tahun yang lalu Yang Berhormat masa dahulu sebagai wakil Kubang Kerian mengatakan bahawa selepas pilihan raya ini dia akan duduk depan sini. Kubang Kerian kata kerusi dia akan sampai ke sini tetapi hari ini nampaknya dia masih di belakang, apakah penjelasannya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Sebab tidak menang lagi, itu pun tidak faham macam mana jadi menteri macam ini. *[Ketawa]* Kalau menang sudah tentu kami duduk di sebelah sana.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun ramai sudah di sini rakan-rakan, Alhamdulillah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar satu kementerian yang perlu lebih aktif sekarang ini terutama kebelakangan ini dunia berubah begitu cepat, konsep globalisasi yang kita laung-laungkan kadangkalanya ia tidak bersikap global tetapi penindasan yang berlaku secara global. Malaysia telah memainkan peranan yang baik di Bosnia- Herzegovina dan pegawai-pegawai Kementerian Luar bekerja dengan baik. Baru-baru ini Malaysia menawarkan untuk menjadi orang tengah penyelesaian masalah Aceh. Kita mengalu-alukan penyelesaian dalam masalah Aceh bagaimana, apakah bekerjasama dalam bentuk bersatu untuk menindas pelarian-pelarian politik Aceh yang berlaku dua tiga tahun dahulu di mana pelarian-pelarian politik itu yang kita lihat dikasari dan ada yang terbunuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di bawah mana itu Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Di bawah Kementerian Luar....ada....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh, Yang Berhormat. Bukannya boleh digolongkan ke semuanya sekali, hanya apa yang ada di situ.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Sebagai contoh sahaja Tuan Yang di-Pertua, sebelum hendak pergi kepada peruntukan untuk bangunan di Yaman ini. Bangunan Insan Ar, Yaman. Jadi, peranan itu kalau Kementerian Luar main untuk menindas pelarian-pelarian Aceh itu maka rekod Malaysia kepada negara-negara umat-umat Islam menjadi tidak baik. Kita harap Malaysia menawarkan diri untuk menjadi orang tengah dalam masalah Aceh, kita harap Malaysia menjadi negeri yang mengesyorkan ataupun mencadangkan atau menyokong supaya rakyat Aceh membuat referendum untuk menentukan sama ada mereka ingin berada di bawah Indonesia atau ingin merdeka sendiri seperti di Timor Timur.

Kalau peranan itu yang dimainkan oleh Kementerian Luar Malaysia maka kita amat mengalu-alukan. Begitulah juga Peruntukan yang diminta untuk membuka pejabat di Insan Ar Yaman. Baru masuk Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi tidak masuk. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**.....di Insan Ar Yaman itu. Kita tahu bahawa pergolakan-pergolakkan yang berlaku di Timur Tengah itu memerlukan tumpuan kita untuk kita terlibat sama apa yang berlaku di Timur Tengah itu. Walaupun kita agak jauh di sana tetapi pertalian agama tidak dapat dinafikan supaya Malaysia memainkan peranan yang lebih dalam negara-negara khasnya Yaman dan juga negeri-negeri di sekitar tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun juga kita lihat dalam Kementerian Pertanian walaupun peruntukan ini RM9 juta untuk memberi subsidi kepada wabak JE. Memang sebarang manusia sesiapa sahaja yang ditimpa kesusahan pihak kerajaan hendaklah tolong walaupun yang berlaku kesusahan itu kepada penternak-penternak babi dan PAS, saya yakin tidak ada masalah untuk menyokong membantu petani-petani yang ditimpa masalah.

Walau bagaimanapun kalau penternak lembu, penternak kerbau menghadapi penyakit kuku dan sebagainya oleh kerana tekanan politik tidak kuat maka kadang-kadang kerajaan agak lalai untuk membantu mereka. Kita yakin masalah JE ini menjadi perhatian kerana ianya disuarakan hebat oleh DAP dan MCA menjadi gelisah maka dengan itu bantuan kerajaan diberikan kalau boleh naikkan lagi bantuan itu

supaya mereka hilang penderitaan akibat hilang ternakan mereka. Tetapi oleh kerana kadangkala tekanan politik tidak ada, maka mereka yang dimusnahkan lembu kerbau dan sebagainya pampasan daripada kerajaan tidaklah seberapa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong sahabat saya bagi Kubang Kerian di bahagian Perkhidmatan Awam terutama pencen. Kami ingin tegaskan sekali lagi bahawa di antara sebab-musabab ramai wanita menyokong Barisan Alternatif kali ini di antaranya simpati dengan Datin Seri, wakil bagi Permatang Pauh, di antaranya juga ialah tawaran kami iaitu jikalau Barisan Alternatif memerintah kami menjanjikan mereka yang mendapat pencen daripada suami yang telah meninggal dunia bila dia berkahwin lagi pencennya tidak hilang. Bahkan dia berkahwin dua tiga kali pun pencennya tidak hilang dan tawaran ini memang menarik perhatian wanita-wanita, balu-balu dan sebab itulah wanita kali ini saya yakin lebih ramai menyokong Barisan Alternatif daripada menyokong Barisan Nasional.

Begitulah juga dalam Perkhidmatan Awam ini di antaranya kita memberi cuti dua hari kepada mereka yang bekerja telah dijalankan di Terengganu dan di Kelantan. Terima kasih di atas sokongan pegawai-pegawai kerajaan yang Barisan Alternatif menang besar pada kali ini cuma tidak cukup, sokong kuat lagi. Kalau hendak selesai yang lebih supaya Perkhidmatan Awam ini bukan hanya mereka bekerja untuk memajukan negara tetapi mereka juga dapat membuatkan masyarakat ini hidup yang agak selesa. Dalam Perkhidmatan Awam ini perlu diperbaiki supaya mereka bekerja menuju Wawasan 2020 pada masa yang sama mereka ada masa yang cukup rehat, cukup pencen dan keadaan sosial dapat dipertahankan, dapat dibaiki dari masa ke semasa supaya lahir masyarakat yang lebih harmoni. Sebab itulah kita harap bukan hanya pencen dan imbuhan-imbuhan yang lain, tetapi waktu-waktu bekerja hendaklah disusun kepada pegawai-pegawai kerajaan supaya mereka berganding bahu sungguh-sungguh dengan pihak swasta untuk memajukan Malaysia pada masa yang akan datang. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Besoklah masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan sehingga 10.00 pagi esok.

**Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.**